

NOTA BESTARI KOMSAS

ANTOLOGI "SEJADAH RINDU"

> UNIT 1: Puisi Tradisional

1. Beberapa Petua Hidup (Za'ba)

Maksud

Rangkap 1

Peringatan kepada pembaca sekiranya kurang berfikir dan kurang menyelidik terlebih dahulu, pasti akan menyebabkan hidup menjadi sesat.

Rangkap 2

Saranan agar berfikir dahulu sebelum berkata-kata untuk mengelakkan sebarang salah faham dan sengketa sesama manusia.

Rangkap 3

Kata-kata yang kesat dan kurang sopan jika dituturkan akan memudarangkan masyarakat.

Rangkap 4

Sekiranya seseorang berbicara dengan kata-kata pedas dan kurang sopan, dia akan mengalami masalah yang besar.

Rangkap 5

Seseorang yang gemar hidup bermusuh akan sentiasa bermasalah.

Rangkap 6

Saranan agar pembaca tidak menimbulkan persengketaan tetapi jika perkara itu berlaku perlulah diterima dengan tabah.

Rangkap 7

Jika ilmu tidak dipelajari dengan sempurna, pasti ilmu itu kurang lengkap dan kurang sesuai untuk diamalkan.

Rangkap 8

Ilmu pengetahuan dan kemahiran dapat dituntut selagi raijin mahu menuntut ilmu.

Rangkap 9

Saranan agar bijak memilih sahabat dan taulan di dunia yang di dalamnya terdapat berbagai-bagai kerenah dan sifat manusia.

Rangkap 10

Sifat budi pekerti seseorang dapat dikenali melalui rakan taulan yang didampinginya.

Rangkap 11

Lazimnya, seseorang akan memilih dan mencari kawan yang sama sifat dan fiilnya untuk memudahkan mereka bekerjasama dan bergaul mesra.

Rangkap 12

Seseorang yang bersifat budiman akan sentiasa dipandang tinggi.

Rangkap 13

Seseorang yang bersifat dermawan akan dapat memikat hati semua orang di kelilingnya.

Rangkap 14

Seseorang yang bersifat pemurah akan memudahkanya untuk mendapat bantuan dan pertolongan.

Rangkap 15

Seseorang yang membuat jasa, namanya akan disanjung pada setiap masa.

Rangkap 16

Saranan agar pembaca memperbaiki kelemahan diri terlebih dahulu sebelum menolong sesama manusia.

Rangkap 17

Perbuatan mengadu domba dan membuat fitnah akan menyebabkan hubungan sesama manusia tidak harmoni.

Rangkap 18

Peringatan agar tidak melakukan perbuatan khianat sesama manusia kerana Tuhan pasti melaknati orang yang berbuat demikian.

Tema

Gurindam "Beberapa Petua Hidup" bertemakan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pegangan dalam kehidupan manusia sehari-hari.

Persoalan

- (a) Kegigihan untuk membudayakan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian manusia.
- (b) Kesungguhan dalam mengamalkan nilai-nilai murni.
- (c) Rasional dalam membuat sebarang tindakan.
- (d) Ketekunan dalam menuntut ilmu.
- (e) Sanjungan masyarakat terhadap orang yang berjasa dan berhati mulia.
- (f) Kerjasama dan budaya tolong-menolong sesama manusia.
- (g) Keadilan Tuhan terhadap setiap tindak-tanduk manusia.

Bentuk dan Ciri-ciri Gurindam

- (a) Terdiri daripada lapan belas rangkap.
- (b) Setiap rangkap mempunyai dua baris.
- (c) Setiap baris mempunyai tiga hingga enam patah perkataan.
- (d) Bilangan suku kata antara sembilan hingga dua belas suku kata sebaris.
- (e) Rima akhirnya sama, iaitu *aa*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Bahasa Arab. Contoh: *khianat; lknat*.
- (b) Inversi. Contoh: *Tentu dirimu kelak tersesat* (sepatutnya *Dirimu tentu tersesat kelak*).
- (c) Kata arkaik. Contoh: *upas*.
- (d) Metafora. Contoh: *taman pergaulan; mulut tajam dan kasar*.
- (e) Peribahasa. Contoh: *Telunjuk lurus kelengkeng berkait*.
- (f) Repetisi. Contoh: *Kurang fikir, kurang siasat*.
- (g) Simile. Contoh: *Ibarat beringin, racun dan upas*.
- (h) Asonansi. Contoh: *Perkataan tajam jika dilepas* (perulangan bunyi vokal *a*).
- (i) Aliterasi. Contoh: *Dengan dilihat siapa kawannya* (perulangan bunyi konsonan *d*).

Nilai

- (a) Baik hati.
- (b) Kebijaksanaan.
- (c) Kerajinan.
- (d) Kerjasama.
- (e) Kesopanan.
- (f) Mengenang jasa.
- (g) Rasional.
- (h) Setia kawan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah berfikir secara rasional sebelum menuturkan kata-kata.
- (b) Kita mestilah bijak memilih sahabat yang dapat memimpin kita ke jalan yang lurus dan benar.
- (c) Kita sepatutnya menjaga tutur kata apabila berbicara dengan orang lain bagi mengelakkan sengketa.
- (d) Kita perlu rajin belajar untuk menambah pengetahuan.
- (e) Janganlah kita mengadu domba dan membuat fitnah sehingga menjasakan hubungan baik sesama manusia.

2. Berbuat Istana Zaman Dahulu (Za'ba)

Maksud

Rangkap 1

Raja menitahkan orang besar berempat supaya membina sebuah istana yang dikelilingi parit dan tembok. Keempat-empat orang besar yang setia dan taat terhadap perintah raja itu pun memanggil Pawang Raja. Kemudian, Pawang Raja telah mengerahkan empat puluh empat orang tukang yang mahir bekerja siang dan malam untuk menyiapkan sebuah istana.

Rangkap 2

Setelah mengambil masa selama tujuh bulan dan tujuh purnama, akhirnya istana yang dilengkapi dengan segala kemudahan itu siap dibina. Istana yang besar tersergam itu mempunyai sembilan ruang utama, sepuluh rembat guntung sebelas pancung serong, dan dua belas anjung tinggi.

Rangkap 3

Istana yang dibina itu juga mempunyai tiga sudut yang menempatkan lapan orang menteri. Sudut itu mempunyai reka bentuk dan seni ukiran yang amat unik buatannya, iaitu bertiang panjang maharaja lela dan bertiang tengah syukur menanti. Selain itu, galang-galang istana bermotifkan ular berang, kasau kecil bermotifkan puteri menyembah, dan kasau lentik bermotifkan helang terbang.

Rangkap 4

Keunikan seni ukiran dinding istana itu terletak pada corak hiasan dindingnya yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan berbunga dan unsur semula jadi. Ukiran seni bina Jawa dan Cina turut digunakan di samping motif haiwan dan tumbuh-tumbuhan seperti ular, layang-layang, dan sebuku garam.

Rangkap 5

Setelah istana itu siap dibina, semua tukang yang ditugaskan membina istana itu telah dibunuhi agar tiada seorang pun tukang yang lain dapat meniru kehalusan corak dan keunikan seni bina istana tersebut. Istana baharu yang tersergam indah itupun dipersembahkan kepada raja dan permaisuri.

Tema

Seloka "Berbuat Istana Zaman Dahulu" bertemakan sindiran terhadap pemerintah yang mengutamakan kepentingan diri untuk kegemilangan peribadi sehingga sanggup mengorbankan nyawa rakyat bagi memenuhi kehendak dan cita-cita.

Persoalan

- (a) Kegigihan dalam melakukan tugas.
- (b) Kesetiaan rakyat tanpa berbelah bahagi kepada pemerintah.
- (c) Kehalusan seni ukiran dan keunikan seni bina.
- (d) Tanggungjawab rakyat terhadap pemerintah.
- (e) Ketelitian dalam reka bentuk istana.

Bentuk dan Ciri-ciri Seloka

- (a) Terdiri daripada lima rangkap.
- (b) Bilangan baris dalam rangkap tidak sama, iaitu rangkap pertama: enam baris, rangkap kedua: enam baris, rangkap ketiga: enam baris, rangkap keempat: lapan baris, dan rangkap kelima: tiga baris.
- (c) Setiap baris mengandungi dua hingga enam patah perkataan.
- (d) Bilangan suku katanya antara lapan hingga tujuh belas suku kata.
- (e) Rima akhirnya ialah rangkap pertama: *abbbcd*, rangkap kedua: *aabcde*, rangkap ketiga: *abcdeb*, rangkap keempat: *abcddefa*, dan rangkap kelima: *aba*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Anafora. Contoh:
*Tiang panjang maharaja lela,
Tiang tengah syukur menanti.*
- (b) Kata arkaik. Contoh: *utas; berbega; bersedelinggam*.
- (c) Inversi. Contoh: *Garam sebuku sisa jeragan* (sepatutnya *Sisa jeragan sebuku garam*).
- (d) Metafora. Contoh: *anjung tinggi; Tiang tengah*.
- (e) Personifikasi. Contoh: *Tiang tengah syukur menanti; Lilit-melilit akar Cina*.
- (f) Repetisi. Contoh:
*Empat puluh empat tukang dan utas,
Tujuh bulan tujuh purnama.*
- (g) Responsi. Contoh: *Sepuluh dengan rembat guntung,
Sebelas dengan pancung serong, Dua belas dengan anjung tinggi.*
- (h) Asonansi. Contoh: *Galang-galangnya ular berang* (perulangan bunyi vokal *a*).
- (i) Aliterasi. Contoh: *Kasau kecil puteri menyembah* (perulangan bunyi konsonan *k*).

Nilai

- (a) Bertanggungjawab.
- (b) Kasih sayang.
- (c) Kebijaksanaan.
- (d) Kerajinan.
- (e) Kerjasama.
- (f) Ketaatan.

Pengajaran

- (a) Kita sepatutnya taat akan perintah ketua atau pemimpin demi keharmonian sesebuah negara.
- (b) Kita hendaklah gigih berusaha tanpa mengenal erti penat dan lelah.
- (c) Sebagai rakyat, kita mestilah menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh integriti.
- (d) Kita perlu rajin bekerja dengan sungguh-sungguh untuk memastikan segala perancangan yang dibuat berjaya membawa hasil.
- (e) Kita haruslah mengamalkan sikap kerjasama dalam melakukan sesuatu pekerjaan.



UNIT 2: Sajak

1. Sejadah Rindu (Mohd. Haikal Aminuddin)

Maksud

Rangkap 1

Penyajak terkedu di atas sejahtera sewaktu mengungkapkan kalimah syahdu yang menyentuh kalbu dan menginsafi dosa-dosa yang lalu.

Rangkap 2

Dengan rasa rendah diri, penyajak memohon agar dibukakan ruang keampunan sebelum dia meninggal dunia.

Rangkap 3

Dengan bersaksikan air mata dan keikhlasan sebagai bukti, penyajak bersujud untuk melafazkan taubat dengan nafas yang sebak dalam suasana yang bening.

Rangkap 4

Hati penyajak luluh dan jiwanya tersentuh dengan ayat-ayat cinta yang disusun rapi sewaktu memohon keampunan daripada Pencipta dengan perasaan gemuruh.

Rangkap 5

Penyajak berdoa kepada Yang Esa agar mengizinkannya menjadi manusia yang sentiasa taat akan perintah-Nya dan sedar bahawa dunia ini hanya bersifat sementara.

Tema

Sajak "Sejadah Rindu" bertemakan ketuhanan dan ketaatan kepada agama.

Persoalan

- (a) Keinsafan atas segala dosa-dosa lalu yang menghantui hidup.
- (b) Pengharapan terhadap pengampunan daripada Pencipta sebelum meninggal dunia.
- (c) Keikhlasan dalam memohon keampunan daripada Yang Esa.
- (d) Taubat yang dilakukan dengan ikhlas hati sehingga menitiskan air mata.
- (e) Keampunan yang diharapkan hanyalah daripada Pencipta.
- (f) Dunia ini cuma bersifat sementara.

Bentuk Sajak

- (a) Terdiri daripada lima rangkap.
- (b) Bilangan baris dalam setiap rangkap tidak sama, iaitu rangkap pertama: enam baris, rangkap kedua: enam baris, rangkap ketiga: tujuh baris, rangkap keempat: enam baris, dan rangkap kelima: enam baris.
- (c) Jumlah patah kata dalam setiap baris antara satu hingga enam patah kata.
- (d) Bilangan suku katanya antara tiga hingga empat belas suku kata.
- (e) Rima akhirnya ialah rangkap pertama: *aaaaaa*, rangkap kedua: *aaaaaa*, rangkap ketiga: *aabaaa*, rangkap keempat: *aaaaaa*, dan rangkap kelima: *aaaaaa*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Bahasa Arab. Contoh: *kalimah; llahi; taubat*.
- (b) Inversi. Contoh: *Terkedu aku* (sepatutnya: *Aku terkedu*).
- (c) Metafora. Contoh: *sejadah rindu*.

- (d) Personifikasi. Contoh: *Air mata menjadi saksi*.
- (e) Asonansi. Contoh: *keikhlasan menjadi bukti* (perulangan bunyi vokal *i*).
- (f) Aliterasi. Contoh: *kupohon kembali nafas kehidupan* (perulangan bunyi konsonan *k*).

Nada

Sajak "Sejadah Rindu" bernada melankolik.

Nilai

- (a) Kegigihan.
- (b) Keikhlasan.
- (c) Keinsafan.
- (d) Ketaatan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah insaf akan dosa dan kesalahan yang lalu.
- (b) Kita haruslah berusaha dengan gigih dan tidak berputus asa.
- (c) Kita mestilah memohon keampunan dengan penuh keikhlasan.
- (d) Kita perlu taat kepada Pencipta.
- (e) Kita sepatutnya sedar bahawa dunia ini hanya bersifat sementara.

2. Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus (Sazalee Yacob)

Maksud

Rangkap 1

Penyajak menghantar anak dara suntinya ke tempat baharu yang jauh berbeza kehidupannya supaya anaknya itu menimba ilmu dan pengalaman di menara gading.

Rangkap 2

Penyajak melepaskan anak gadisnya untuk mengenali kehidupan yang banyak dugaan dan cabaran serta memerlukan pertimbangan akal yang waras.

Rangkap 3

Penyajak mengingatkan anak gadisnya bahawa kehidupan di kampus bukan sahaja penuh dengan ilmu pengetahuan, bahkan juga sarat dengan dugaan yang mampu menghanyutkan budi pekerti dan meninggikan ego.

Rangkap 4

Penyajak menasihati anak gadisnya agar pandai membawa diri dalam mengharungi kehidupan baharu. Penyajak berharap agar anaknya itu tidak pulang dengan kedukaan dan kegagalan.

Tema

Sajak "Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus" bertemakan nasihat ibu bapa kepada anak gadis yang akan melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi.

Persoalan

- (a) Perbezaan antara kehidupan di desa dengan kehidupan di kampus.
- (b) Harapan bapa supaya anaknya dapat menikmati peluang untuk menimba ilmu di menara gading.
- (c) Keberanian bapa yang melepaskan anak gadis suntinya untuk menuntut ilmu di menara gading.
- (d) Kehidupan di kampus yang banyak cabaran.
- (e) Keegoan yang mengetepikan pekerti.
- (f) Kebijaksanaan dalam menghadapi cabaran dan dugaan di kampus.

Bentuk Sajak

- (a) Terdiri daripada empat rangkap.
- (b) Bilangan baris dalam setiap rangkap tidak sama, iaitu rangkap pertama: lapan baris, rangkap kedua: enam baris, rangkap ketiga: enam baris, dan rangkap keempat: lima baris.
- (c) Jumlah patah kata dalam setiap baris antara tiga hingga enam patah kata dalam satu baris.
- (d) Bilangan suku katanya antara lima hingga lima belas suku kata.
- (e) Rima akhirnya ialah rangkap pertama: *aabcaade*, rangkap kedua: *abcdef*, rangkap ketiga: *abcdeb*, dan rangkap keempat: *abacd*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Bahasa klasik atau Sanskrit. Contoh: *bumantara; azimat; tangkal*.
- (b) Diksi atau pemilihan kata begitu indah dan berkesan. Contoh: *memesrai azimat dan tangkal; menongkah awan perak dan kabut dingin; tumbuh gunung ego menghalau pekerti*.
- (c) Hiperbola. Contoh: *hadir sihir angin bernafas api*.
- (d) Unsur alam. Contoh: *angin; burung putih; kabut; kabus*.
- (e) Asonansi. Contoh: *Kulepaskan kau menjadi burung putih* (perulangan bunyi vokal *u*).
- (f) Aliterasi. Contoh: *dengan suasana suntimu* (perulangan bunyi konsonan *s*).

Nada

Sajak "Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus" bernada melankolik.

Nilai

- (a) Baik hati.
- (b) Kasih sayang.
- (c) Keberanian.
- (d) Kecekalan.

Pengajaran

- (a) Kita mestilah bersikap baik hati supaya orang di sekeliling kita akan mendapat manfaat.
- (b) Kita mestilah bersikap berani untuk melepaskan anak-anak demi masa depan mereka.
- (c) Kita hendaklah memberikan sepenuh kasih sayang kepada anak-anak.
- (d) Kita haruslah cekal menghadapi segala cabaran untuk mencapai matlamat.

3. Erti Hidup Bererti (Teo Wei Sing)

Maksud

Rangkap 1

Penyajak berasa kesunyian kerana malam yang dilaluinya begitu sepi. Walau bagaimanapun, keadaan itu tetap tidak berubah pada keesokan harinya kerana tiada sesiapa yang datang untuk menziarahinya yang sudah tua.

Rangkap 2

Keheningan tasik dan kehijauan rumput hanyalah bayangan lalu. Kini, cinta yang tersemai sejak di dalam rahim telah dilupakan oleh anak-anaknya, iaitu daripada anak yang sulung hingga anak yang bongsu. Lantas, penyajak mencari erti hidup sewaktu dirinya menderita sakit dan keseorangan.

Rangkap 3

Penyajak berasa bahawa dirinya tidak bermakna kepada anak-anaknya. Namun demikian, penyajak berdoa agar anak-anaknya diberi keinsafan supaya duka di hatinya terubat. Penyajak sedar bahawa tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Tema

Sajak "Erti Hidup Bererti" bertemakan kesunyian hidup yang dilalui oleh golongan warga tua.

Persoalan

- (a) Kehidupan seorang tua yang tidak dijenguk dan tidak dipedulikan oleh anak-anak.
- (b) Kasih dan sayang orang tua yang tidak dihargai oleh anak-anak.
- (c) Kegembiraan ibu atau bapa pada masa lalu hanya tinggal kenangan.
- (d) Sikap anak-anak yang saling menolak tanggungjawab untuk menjaga orang tua mereka.
- (e) Harapan orang tua yang tetap sayang akan anak-anaknya.
- (f) Orang tua berharap agar anak-anaknya diberi keinsafan.
- (g) Kesedaran bahawa Tuhan sahaja yang kekal abadi.

Bentuk Sajak

- (a) Terdiri daripada tiga rangkap.
- (b) Bilangan baris dalam setiap rangkap tidak sama. Rangkap pertama: tujuh baris, rangkap kedua: sepuluh baris, dan rangkap ketiga: sebelas baris.
- (c) Jumlah patah kata dalam setiap baris juga tidak sama, iaitu antara dua hingga enam patah kata dalam satu baris.
- (d) Bilangan suku katanya antara empat hingga tiga belas suku kata.
- (e) Rima akhir sajak ini ialah rangkap pertama: *aabccaca*, rangkap kedua: *abccdeafgh*, dan rangkap ketiga: *aabacdefdfdc*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Anafora. Contoh:
*ada yang mati
ada yang hidup*.
- (b) Diksi atau pemilihan kata begitu indah dan berkesan. Contoh: *dari sulung ditendang ke bongsu; berdiri tanpa ruang; semoga disirami benih keinsafan*.
- (c) Hiperbola. Contoh: *cinta dalam rahim dilupai; embun cinta atas angin dingin*.
- (d) Metafora. Contoh: *benih keinsafan*.
- (e) Simile. Contoh: *bagai kalung*.
- (f) Unsur alam. Contoh: *malam; tasik; rumput; angin*.
- (g) Asonansi. Contoh: *Aku selalu didatangi* (perulangan bunyi vokal *a*).
- (h) Aliterasi. Contoh: *menderita mengerang sakit* (perulangan bunyi konsonan *m*).

Nada

Sajak "Erti Hidup Bererti" bernada melankolik.

Nilai

- (a) Bertanggungjawab.
- (b) Kasih sayang.
- (c) Keinsafan.
- (d) Ketabahan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah berasa insaf dan sedar bahawa kehidupan di dunia ini hanyalah bersifat sementara.
- (b) Ibu bapa mestilah bersikap penyayang terhadap anak-anak.
- (c) Kita haruslah tabah menghadapi dugaan hidup.
- (d) Anak-anak sepatutnya bertanggungjawab terhadap ibu bapa yang sudah tua.

4. Kudup Perang (Tuah Sujana)

Maksud

Rangkap 1

Penyajak mengingatkan bahawa seseorang yang masih bergelar panglima perang akan sentiasa membuat kezaliman dan menyimpan perasaan dendam. Walau bagaimanapun, penyajak masih berterima kasih kerana berpeluang untuk menikmati kehidupan sambil mencari pahlawan sejati.

Rangkap 2

Penyajak sedar bahawa dia tidak sempat hidup pada zaman perbalahan dan penuh angkara. Oleh itu, dalam kekeliruan, penyajak tertanya-tanya akan orang yang membunuh pendusta.

Rangkap 3

Penyajak tidak mahu menyanjung Tuah sebagai pendekar paling gagah kerana kesetiaan Tuah yang tidak berbelah bagi terhadap istana. Oleh itu, Tuah tidak akan bersikap saksama walaupun wujud pendustaan sehingga dia sanggup membiarkan kesengsaraan berlaku di kota.

Rangkap 4

Penyajak juga tidak menganggap Jebat sebagai pengkhianat kerana dia masih mengingati perjuangan Jebat dalam mempertahankan keadilan. Oleh itu, Jebat dianggap suci.

Rangkap 5

Penyajak sedar bahawa peperangan penuh dengan musilhat dan berita palsu yang menghapuskan kebenaran dan memberarkan yang salah. Perang juga membangkitkan keganasan dalam kehidupan yang damai. Justeru, usaha untuk memulihkan sisa-sisa kehidupan yang damai amatlah sukar.

Rangkap 6

Sehingga kini, masyarakat masih terus bertengkar untuk menentukan pahlawan sebenar antara Tuah dengan Jebat.

Tema

Sajak "Kudup Perang" bertemakan kepentingan kewibawaan dan ketokohan pemimpin dalam menerajui sesebuah organisasi.

Persoalan

- (a) Peperangan hanya akan mewujudkan perasaan dendam sesama manusia.
- (b) Usaha untuk mencari kebenaran tentang pahlawan dan pengkhianat yang sebenarnya.
- (c) Kekeliruan dalam mengenal pasti orang sebenar yang telah membunuh pendusta.
- (d) Sikap tidak mahu memuji dan berpihak antara Tuah yang setia dengan Jebat yang menuntut keadilan.
- (e) Keadilan dan kesaksamaan selalu digugat oleh pendustaan.
- (f) Peperangan menyemarakkan pelbagai dakyah palsu yang menghapuskan kebenaran.
- (g) Peperangan membawa kepada kesengsaraan yang sukar dipulihkan.

Bentuk Sajak

- (a) Terdiri daripada enam rangkap.
- (b) Bilangan baris dalam setiap rangkap tidak sama. Rangkap pertama: sebelas baris, rangkap kedua: sepuluh baris,

rangkap ketiga: sepuluh baris, rangkap keempat: enam baris, rangkap kelima: lapan baris, dan rangkap keenam: empat baris.

- (c) Jumlah patah kata dalam setiap baris juga tidak sama, iaitu antara dua hingga enam patah kata dalam satu baris.
- (d) Bilangan suku katanya antara empat hingga tujuh belas suku kata.
- (e) Rima akhirnya ialah rangkap pertama: *abcdefaggag*, rangkap kedua: *abcdedddfd*, rangkap ketiga: *abcdffffd*, rangkap keempat: *abdbb*, rangkap kelima: *abcccddc*, dan rangkap keenam: *abaa*.

Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Bahasa klasik atau Sanskrit. Contoh: *kesumat; keramat; perawan*.
- (b) Diksi atau pemilihan kata begitu indah dan berkesan. Contoh: *mengudupkan putik dendam; menumbuhkan kelopak rahsia; melekatlah selumbar sengsara*.
- (c) Hiperbola. Contoh: *jari-jemari takdir; daerah angkara; selumbar sengsara; menjungkitkan amarah*.
- (d) Inversi. Contoh: *sese kali turut direntakan daki pendusta (sepatutnya: daki pendusta sese kali turut direntakan)*.
- (e) Metafora. Contoh: *peta keadilan*.
- (f) Simile. Contoh: *seperti perawan*.
- (g) Unsur alam. Contoh: *putik; fajar; selumbar; bayu*.
- (h) Asonansi. Contoh: *Memang kita tidak sempat menjenguk* (perulangan bunyi vokal e).
- (i) Aliterasi. Contoh: *bercabang lalu bertemu bayu palsu* (perulangan bunyi konsonan b).

Nada

Sajak "Kudup Perang" bernada patriotik.

Nilai

- (a) Keadilan.
- (b) Keberanian.
- (c) Keinsafan.
- (d) Kerajinan.

Pengajaran

- (a) Kita mestilah bersikap berani untuk mencari jawapan yang sahih.
- (b) Kita haruslah bersikap adil dan saksama.
- (c) Kita hendaklah insaf bahawa peperangan dan perbalahan tidak akan mendatangkan kebaikan.
- (d) Kita mestilah gigih berusaha dan bersungguh-sungguh untuk membina kebahagiaan.

> UNIT 3: Prosa Tradisional

Burung Terbang Dipipiskan Lada

Sinopsis

Kedengaran ke benua Siam bahawa negeri Melaka sebuah negeri yang besar dan tidak ditakluki oleh mana-mana empayar. Raja Siam, iaitu Paduka Bubunnya pun menyuruh utusan ke Melaka untuk meminta surat sembah. Sultan Melaka, iaitu Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah raja Siam. Raja Siam berasa amat marah lalu memerintahkan hulubalangnya, iaitu Awi Cakri untuk menyerang Melaka.

Berita Siam hendak menyerang Melaka telah didengari oleh Sultan Muzaffar Syah. Lantas, baginda memerintahkan rakyat dihimpunkan di Melaka. Sehubungan dengan itu, semua rakyat lelaki dibawa berhimpun di Melaka. Bagaimanapun, Tun Perak telah menghimpunkan orang lelaki dari Kelang bersama-sama dengan isteri dan anak-anak mereka. Tujuannya adalah untuk memastikan mereka berperang dengan sungguh-sungguh demi isteri dan anak-anak mereka. Kebijaksanaan Tun Perak mendapat perhatian Sultan Melaka. Selepas Melaka menang ke atas Siam, Tun Perak diperintahkan agar menetap di Melaka dan dilantik sebagai bentara.

Kemudian, ada seorang orang Kelang mengadu kepada Sultan Melaka bahawa Tun Perak telah menganiaya dirinya. Sultan Melaka pun memerintahkan Tun Perak supaya menghadap baginda. Tun Perak menyatakan bahawa dia tahu akan tanggungjawabnya untuk menjaga negeri Melaka. Tun Perak mahu dia dipecat lebih dahulu sekiranya dia ingin dicerai disebabkan orang yang mengadu hal tersebut. Kata-kata Tun Perak itu memikat hati Sultan Melaka. Tun Perak dilantik sebagai Perdana Menteri dengan gelaran Paduka Raja. Tun Perak duduk setara dengan Seri Nara Diraja di seri balai.

Sementara itu, orang Melayu pun terbahagi kepada dua kumpulan. Sebahagiannya mengikut Paduka Raja dan sebahagian lagi mengikut Seri Nara Diraja. Kedua-dua pembesar ini tidak bermuafakat dan sering berselisih faham. Sultan Melaka berasa dukacita kerana sikap kedua-dua pembesar itu akan membinaasan negeri Melaka. Baginda bercadang untuk mendamaikan Tun Perak dengan Seri Nara Diraja. Oleh hal yang demikian, Seri Nara Diraja telah dikahwinkan dengan Tun Kudu, iaitu anak Bendahara Seri Wak Raja yang bersaudara pula dengan Paduka Raja. Tun Kudu ialah isteri Sultan Melaka tetapi telah diceraikan oleh baginda. Tun Kudu dipelihara oleh Paduka Raja. Segala perbelanjaannya ditanggung oleh Sultan Melaka. Setelah Seri Nara Diraja berkahwin dengan Tun Kudu, Seri Nara Diraja telah berbaik-baik dengan Paduka Raja. Malah Seri Nara Diraja memberikan sokongannya terhadap Paduka Raja untuk dilantik sebagai bendahara. Kebijaksanaan Bendahara Paduka Raja setara dengan Patih Aria Gajah Mada di Majapahit dan Orang Kaya Kanayan di Pasai. Seri Nara Diraja pula menjadi penghulu bendahari di Melaka.

Setelah beberapa lama kemudian, orang Siam, iaitu di bawah panglima Awi Dicu muah menyerang Melaka lagi. Sultan Melaka memerintahkan Bendahara Paduka Raja agar bersiap sedia untuk menentang orang Siam. Seri Bija Diraja turut diperintahkan membantu Bendahara Paduka Raja untuk mengusir orang Siam yang telah menghampiri Batu Pahat. Bendahara Paduka Raja telah memerintah Tun Umar supaya menaiki perahu untuk memeriksa perahu Siam. Tun Umar yang berani itu telah melanggar beberapa buah perahu Siam sehingga mereka kalah. Tindakan Tun Umar membuatkan orang Siam berasa sungguh hairan.

Setelah hari malam, Bendahara Paduka Raja mengarahkan agar pohon-pohon kayu bakau, nyirih, dan tumpu api-api dibakar. Tindakan tersebut telah dilihat oleh orang Siam. Hulubalangnya berpendapat bahawa kelengkapan Melaka sungguh banyak. Dengan itu, orang Siam menjadi takut dan tidak jadi berperang lalu kembali ke Siam.

Di Melaka, Sultan Muzaffar Syah telah meraikan tenteranya dengan memberikan persalinan yang mulia-mulia. Sebaliknya di Siam pula, Paduka Bubunnya berasa terlalu marah. Lantas baginda sendiri ingin menyerang

Melaka. Sebaliknya, Cau Pandan, iaitu anak Paduka Bubunnya mahu dia diperlengkapkan untuk mengalahkan Melaka. Paduka Bubunnya berasa sangat gembira dan mengarahkan anaknya itu diperlengkapkan dengan Pra Kelong lapan ratus sum dan perahu-perahu kecil yang tidak terbilang banyaknya.

Khabar tentang tentera Siam yang dipimpin oleh Cau Pandan akan menyerang telah kedengaran di Melaka. Namun begitu, Tuan Sidi Arab yang menetap di Melaka dan pandai bermain panah lasykar telah menghalakan panahnya ke benua Siam sambil melaungkan kata-kata bahawa Cau Pandan akan mati. Sultan Muzaffar Syah mengatakan bahawa Tuan Sidi Arab itu benar-benar warak sekiranya Cau Pandan betul-betul mati.

Di benua Siam pula, Cau Pandan berasa dadanya seperti terkena panah. Cau Pandan jatuh sakit dan muntah darah lalu mati. Oleh hal yang demikian, rancangan Siam untuk menyerang Melaka tidak diteruskan. Kematian Cau Pandan telah tersebar ke Melaka. Sultan Muzaffar Syah yang mendengar khabar tersebut mengakui Tuan Sidi Arab seorang yang warak, lalu memberikan pujian dan anugerah kepada beliau.

Selepas 42 tahun menaiki takhta, akhirnya Sultan Muzaffar Syah pun mangkat. Takhta Melaka telah digantikan oleh anakanda baginda, iaitu Raja Abdullah. Baginda digelar Sultan Mansur Syah. Usia baginda sewaktu menaiki takhta itu ialah 27 tahun. Sultan Mansur Syah seorang yang kakak, adil, dan pemurah. Baginda telah berkahwin dengan Tun Patih Nur Pualam, iaitu anak Seri Nara Diraja.

Tema

Tema prosa tradisional "Burung Terbang Dipipiskan Lada" ialah kebijaksanaan seorang raja dalam menyelesaikan kemelut yang berlaku dalam kalangan pembesar negeri.

Persoalan

- (a) Kebijaksanaan menggunakan strategi dan akal fikiran untuk menyelesaikan masalah.
- (b) Perpecahan dalam kalangan pembesar akan mengancam kedaulatan negara.
- (c) Kepentingan ilmu dalam kehidupan.
- (d) Keberanian dalam menghadapi cabaran.
- (e) Taat setia kepada pemimpin dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian negara.

Watak dan Perwatakan

Tun Perak

- (a) Pembesar Melaka yang menjaga daerah Kelang.
- (b) Dinaikkan pangkat daripada pembesar Kelang kepada Paduka Raja.
- (c) Diperintahkan untuk menetap di Melaka.
- (d) Berani dan baik hati, dan bijaksana.
- (e) Sangat berpengaruh.
- (f) Dilantik menjadi bendahara yang bergelar Bendahara Paduka Raja oleh Sultan Muzaffar Syah setelah mendapat sokongan daripada Seri Nara Diraja.
- (g) Bijak dalam strategi perang.

Sultan Muzaffar Syah

- (a) Mementingkan keharmonian Melaka.
- (b) Bijaksana dan prihatin.
- (c) Tidak terburu-buru dalam bertindak.
- (d) Memerintah Melaka selama 42 tahun.
- (e) Raja yang menghargai rakyat.

Seri Nara Diraja

- (a) Penghulu bendahari di Melaka.
- (b) Sudah tua sehingga bulu kening dan bulu matanya telah bercantum.
- (c) Berkahwin dengan Tun Kudu, iaitu bekas isteri Sultan Melaka.
- (d) Mempunyai anak daripada hubungannya dengan gundik, iaitu Tun Nina Madi.
- (e) Bapa saudara kepada Bendahara Paduka Raja apabila beliau berkahwin dengan Tun Kudu, iaitu saudara kepada Bendahara Paduka Raja.

Sultan Mansur Syah

- (a) Anak kepada Sultan Muzaffar Syah.
- (b) Menjadi sultan ketika berusia 27 tahun.
- (c) Kacuk, adil, dan pemurah.
- (d) Berkahwin dengan Tun Patih Nur Pualam, iaitu anak Seri Nara Diraja.
- (e) Mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Puteri Bakal, iaitu hasil hubungannya dengan gundik.

Latar

Latar Tempat

- (a) Melaka.
- (b) Muar.
- (c) Batu Pahat.
- (d) Hulu Muar.
- (e) Kelang.
- (f) Siam.
- (g) Istana Siam.
- (h) Seri balai.

Latar Masa

- (a) Zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
- (b) Zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah.
- (c) Zaman Tun Perak menjadi Bendahara Melaka.

Latar Masyarakat

- (a) Golongan istana yang terdiri daripada pemerintah, menteri, dan hulubalang.
- (b) Masyarakat yang mengamalkan ilmu.
- (c) Masyarakat yang tidak bersatu hati.
- (d) Masyarakat yang takut akan isteri.
- (e) Masyarakat yang bijaksana.
- (f) Masyarakat yang baik hati.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa-peristiwa dalam cerita ini dijalin secara kronologi.
- (b) **Pengenalan** – Raja Siam memerintahkan Melaka agar menghantar surat sembah. Namun begitu, Sultan Melaka tidak mahu memberikan surat sembah tersebut. Oleh itu, Raja Siam, iaitu Paduka Bubunya memerintahkan tenteranya di bawah pimpinan Awi Cakri supaya menyerang Melaka. Sultan Melaka mengarahkan rakyatnya dikumpulkan untuk menghadapi ancaman tentera Siam. Tun Perak mengumpulkan semua lelaki dari Kelang bersama-sama dengan isteri dan anak masing-masing. Akhirnya, Siam berjaya dikalahkan di Muar.
- (c) **Perkembangan** – Tun Perak diperintahkan oleh Sultan Melaka supaya menetap di Melaka dan dijadikan bentara. Kebijaksanaan dan kata-kata Tun Perak sewaktu menyelesaikan dakwaan bahawa dia membuat aninya telah membuatkan Sultan Muzaffar Syah menaikkan pangkat beliau sebagai Perdana Menteri dengan gelaran Paduka Raja.
- (d) **Perumitan** – Seri Nara Diraja dan Paduka Raja tidak sefahaman. Orang Melayu terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu sebahagian menjadi pengikut Seri Nara

Diraja dan sebahagianya pengikut Paduka Raja. Sultan Muzaffar Syah bimbang jika perbalahan antara pembesar itu akan memudaratkan negeri Melaka. Sultan Muzaffar Syah telah mengahwinkan Tun Kudu, iaitu saudara kepada Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja untuk menyatakan mereka berdua. Paduka Raja pula dijadikan bendahara.

- (e) **Klimaks** – Raja Siam menghantar tenteranya di bawah pimpinan Awi Dicu untuk menyerang Melaka. Sultan Muzaffar Syah mengarahkan Bendahara Paduka Raja dengan dibantu oleh Seri Bija Diraja untuk mengusir tentera Siam. Kebijaksanaan Bendahara Paduka Raja yang mengarahkan semua pohon kayu bakau, nyirih, dan tumpu api-api dibakar menyebabkan tentera Siam tersalah anggap dan kembali ke Siam kerana ketakutan. Selepas itu, anakanda Raja Siam, iaitu Cau Pandan diperlengkapkan untuk menyerang Melaka. Berita Siam ingin menyerang Melaka telah diketahui oleh Raja Melaka. Tuan Sidi Arab yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi telah menghalakan panahnya ke benua Siam untuk membunuh Cau Pandan. Cau Pandan berasa dadanya seperti dipanah dan muntah darah lalu mati.

- (f) **Peleraian** – Sultan Muzaffar Syah mangkat selepas memerintah Melaka selama 42 tahun. Takhta Melaka digantikan oleh Raja Abdullah, iaitu anakanda Sultan Muzaffar Syah dengan gelaran Sultan Mansur Syah.

Teknik Plot

- (a) Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Sultan Muzaffar Syah dengan Seri Nara Diraja.
- (b) Teknik imbas kembali. Contohnya, Seri Nara Diraja teringat akan peristiwa bapanya membeli azimat.
- (c) Teknik monolog dalaman. Contohnya, Sultan Muzaffar Syah bermonolog dalaman ketika baginda mendengar penjelasan daripada Tun Perak.
- (d) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan perwatakan Seri Amerta.

Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contoh: *idah; ditalak; keramat*.
- (b) Bahasa istana. Contoh: *baginda; titah; tuanku; mangkat*.
- (c) Bahasa Melayu klasik. Contoh: *terpermanai lagi; kemakanan matanya*.
- (d) Hiperbola. Contoh: *Tun Hamzah namanya, asalnya daripada Muntah Lembu; seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada sepertinya pada zaman itu*.
- (e) Penggunaan lagu. Contoh:
*Cau Pandan anak Bubunya,
Hendak menyerang ke Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung si air mata.*
- (f) Repetisi. Contoh: *Hatta, maka pada sekali peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, dihadap orang banyak. Maka Tun Nina Madi pun lalu, disuruh naik duduk dekat, lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja. Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu.*
- (g) Simile. Contoh: *seperti dewal orang berzikir; dadanya seperti kena panah*.

Nilai

- (a) Nilai kebijaksanaan. Contohnya, Tun Perak bijaksana dalam menghadapi ancaman Siam ke atas negeri Melaka. Beliau mengarahkan semua pohon kayu bakau, nyirih, dan tumpu api-api dibakar. Tindakan beliau ini telah mengerunkan tentera Siam sehingga menyebabkan mereka kembali ke Siam semula.

- (b) Nilai baik hati. Contohnya, Sultan Muzaffar Syah bersikap baik hati dengan menganugerahkan persalinan kepada Tun Perak dan tenteranya selepas mereka berjaya mengusir tentera Siam.
- (c) Nilai berilmu pengetahuan. Contohnya, Tuan Sidi Arab mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi sehingga mampu membunuh Cau Pandan yang ingin menyerang Melaka dari jauh sahaja.
- (d) Nilai bersatu padu. Contohnya, Seri Nara Diraja yang bersepakat dengan Bendahara Paduka Raja telah menjadikan rakyat Melaka bersatu padu dan terus kukuh untuk berhadapan dengan ancaman Siam.
- (e) Nilai keikhlasan. Contohnya, Seri Nara Diraja dengan ikhlas hati menyokong pelantikan Paduka Raja sebagai Bendahara Melaka.
- (f) Nilai keberanian. Contohnya, Tun Perak bersama-sama dengan tentera Melaka berani menentang tentera Siam yang dipimpin oleh Awi Cakri dan Awi Dicu sehingga kedua-dua gerombolan tentera musuh dapat dikalahkan.
- (g) Nilai pengorbanan. Contohnya, Sultan Muzaffar Syah sanggup berkorban, iaitu baginda menceraikan isterinya, Tun Kudu untuk dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja demi kebaikan negeri Melaka.

Pengajaran

- (a) Kita mestilah berani menghadapi ancaman musuh negara.
- (b) Kita perlu bijak menggunakan strategi untuk menyelesaikan masalah.
- (c) Kita hendaklah ikhlas semasa melakukan sesuatu tindakan.
- (d) Kita sepatutnya sanggup berkorban untuk memperoleh kebaikan.
- (e) Kita haruslah bersatu padu untuk menikmati kehidupan yang harmoni.
- (f) Kita hendaklah menggunakan ilmu pengetahuan untuk melakukan tindakan yang betul dan tepat.

> UNIT 4: Cerpen

1. Cinta Ahmad Mutawakkil

(Zainal Rashid Ahmad)

Sinopsis

Ahmad Mutawakkil muncul secara tiba-tiba dalam keadaan cedera parah. Pakaianya dipenuhi darah serta lumpur di pintu surau kampungnya sebaik sahaja para maknum selesai menunaikan solat maghrib. Situasi yang mencemaskan itu menimbulkan kejutan dan tanda tanya kepada Imam Ngah Deraman, Penghulu Ibrahim Sigap, dan seluruh maknum di surau kampung mengenai punca kejadian itu berlaku. Ahmad mutawakkil yang cedera parah telah dibarangkan oleh Penghulu Ibrahim Sigap. Dalam keadaan nafasnya tercungap-cungap, dia rebah lalu pengsan.

Melalui teknik imbas kembali, penulis menceritakan kisah penerokaan kampungnya sejak tiga generasi yang lalu. Mereka telah meneroka tanah kebun dan sawah padi. Selepas itu, bermula pertengahan tahun 30-an, Tuan Booth sekeluarga telah datang ke kampung itu untuk meneroka belukar. Tuan Booth mengupah beratus-ratus orang buruh termasuklah penduduk kampung penulis untuk menanam pokok-pokok getah. Kemudian, Tuan Booth telah membawa masuk 15 buah keluarga buruh berketurunan

India untuk bekerja di estet getahnya. Seterusnya, kisah riwayat hidup Ahmad Mutawakkil yang menjadi yatim piatu selepas kematian bapanya, Wak Sadir. Ahmad Mutawakkil terpaksa menumpang hidup dengan Tuan Booth selama tiga tahun.

Pendaratan askar Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941 ternyata mengubah suasana damai di kampung penulis. Penulis mengimbas kembali kisah Tuan Booth sekeluarga yang terpaksa meninggalkan banglo di estetnya seminggu sebelum kemaraan askar Jepun dan kisah kesulitan seluruh penduduk kampung pada zaman pendudukan Jepun itu. Ketidaa Tuan Booth sekeluarga telah menyebabkan Ahmad Mutawakkil hidup terbiar. Atas dasar prihatin dan tanggungjawab, Imam Ngah Deraman telah menjadikan Ahmad Mutawakkil sebagai anak angkatnya. Sejak itu, Imam Ngah Deraman selalu menceritakan perihal Ahmad Mutawakkil kepada penduduk kampung termasuklah kepandaiannya membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris. Pada tahun 1943, Ahmad Mutawakkil telah bekerja di bandar.

Pada tahun 1945, Ahmad Mutawakkil memberitahu Imam Ngah Deraman bahawa bandar Hiroshima dan Nagasaki di Jepun telah dibom dan askar Jepun terpaksa menyerah kalah dalam perang dunia kedua. Ketika Ahmad Mutawakkil berusia 17 tahun, ketokohan dan kehebatan Ahmad Mutawakkil sebagai pejuang nasionalis Melayu muda terserlah apabila setiap tutur kata dan tindak-tanduknya sangat berpengaruh dan disegani sama ada di kampung atau di seluruh daerah. Tuan Booth kembali banglo di estetnya semula ke selepas Jepun menyerah kalah. Sikap peramah dan baik hati Tuan Booth sekeluarga terhadap penduduk kampung telah mengeratkan hubungan antara mereka.

Ketokohan Ahmad Mutawakkil sebagai pejuang nasionalis Melayu amat ketara apabila beliau secara lantang menolak perjuangan komunis dan mementang penjajahan Inggeris melalui sesi pidato dan penulisannya dalam surat khabar. Pembabitan Ahmad Mutawakkil sebagai wartawan telah berjaya meluaskan pengaruhnya sehingga terpilih sebagai pemimpin nombor dua dalam parti peringkat daerah pada tahun 1952 yang dianggotainya. Pada masa yang sama, Sandra, iaitu anak gadis Tuan Booth menyimpan perasaan kasihnya terhadap Ahmad Mutawakkil. Hubungan mereka telah mengundang pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat kampung.

Pada tahun 1948, Parti Komunis Malaya mula menggilir di Perak. Ahmad Mutawakkil pula semakin rancak berkempen untuk menggesa rakyat menolak ideologi komunis yang songsang itu. Keadaan itu telah menyebabkan lima orang pengganas komunis menyerbu banglo Tuan Booth. Beliau diminta menyampaikan amaran mereka kepada Ahmad Mutawakkil agar tidak menghasut rakyat membenci ideologi komunis. Sungguhpun begitu, Ahmad Mutawakkil tidak mengendahkan nasihat Tuan Booth dan Penghulu Ibrahim Sigap, malah dia semakin berani bersuara dengan lantang.

Pada malam Jumaat selepas dia selesai menyampaikan ceramahnya, Ahmad Mutawakkil telah didatangi oleh seorang budak lelaki di surau kampungnya. Ahmad Mutawakkil minta diri untuk mengikut budak lelaki itu. Keesokan harinya, kehilangan Ahmad Mutawakkil menimbulkan tanda tanya dan kegelisahan dalam kalangan penduduk kampung apabila sehari-hari dia tidak muncul di surau kampung itu. Tiga kumpulan termasuk Tuan Booth telah dibentuk untuk mencari Ahmad Mutawakkil di seluruh pelosok kampung, namun usaha mereka menemukan kegagalan.

Sesudah solat maghrib, segala kerunsingan dan keresahan penduduk kampung terjawab apabila Ahmad Mutawakkil muncul di surau kampungnya dalam keadaan cedera parah. Dia meninggal dunia di atas riba Imam Ngah Deraman sambil menggenggam tangan Penghulu Ibrahim Sigap akibat tembakan tiga butir peluru yang menembusi belakang bahunya. Kematian Ahmad Mutawakkil amat dirasai oleh penduduk kampung termasuklah penulis. Pada malam 31 Ogos 1957, penduduk kampung telah mengadakan majlis doa kesyukuran sebagai tanda meraikan kemerdekaan tanah air. Majlis bacaan tahlil turut diadakan untuk mengenang jasa dan pengorbanan arwah Ahmad Mutawakkil itu.

Tuan Booth sekeluarga telah pulang ke England seminggu selepas kemerdekaan negara. Setahun kemudian, Sandra kembali ke banglo peninggalan bapanya di estet getah itu. Lantaran kenangannya yang tidak pernah lenyap atau demi kecintaannya terhadap Ahmad Mutawakkil, dia telah mengajar anak-anak penduduk kampung membaca dan menulis.

Tema

Cerpen "Cinta Ahmad Mutawakkil" bertemakan kegigihan seorang pemuda yang menghadapi pelbagai cabaran dan tantangan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

Persoalan

- (a) Kasih sayang sebagai tali pengikat hubungan sesama anggota keluarga.
- (b) Ketabahan dalam mengharungi pelbagai kesulitan semasa zaman perang.
- (c) Semangat patriotisme yang tinggi dalam diri pejuang.
- (d) Kisah percintaan yang mendalam.
- (e) Kerjasama yang erat dalam masyarakat dapat mengeratkan perpaduan dan keselamatan penduduk.
- (f) Kekejaman dan kezaliman pihak pengganas terhadap masyarakat.

Watak dan Perwatakan

Ahmad Mutawakkil

- (a) Berusia 25 tahun ketika dia meninggal dunia akibat ditembak oleh pengganas komunis.
- (b) Anak tunggal Wak Sadir dan menjadi yatim piatu selepas kematian ayahnya.
- (c) Mampu membaca dan menulis bahasa Inggeris dengan baik.
- (d) Bermisai nipis seperti bulu rompa.
- (e) Bekerja sebagai wartawan akhbar.
- (f) Nasionalis muda yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.
- (g) Petah berpidato dan berani bersuara untuk menegak kebenaran melalui penulisannya dalam surat khabar.
- (h) Menghargai jasa dan budi orang lain.
- (i) Berhemah tinggi.
- (j) Sangat berpengaruh sehingga dihormati oleh penduduk di kampungnya dan di seluruh daerah.
- (k) Pemimpin parti yang berjiwa besar, iaitu dipilih memegang jawatan pemimpin nombor dua di peringkat daerah walaupun ketika itu beliau baru berusia 24 tahun.

Tuan Booth

- (a) Pengurus ladang getah di estetnya.
- (b) Berbangsa Inggeris.
- (c) Berasal dari England.

- (d) Mempunyai seorang isteri dan seorang anak perempuan bernama Sandra.
- (e) Berkulit putih, gemar berseluas pendek, dan bertopi bulat.
- (f) Majikan kepada lima belas buah keluarga keturunan India yang bekerja sebagai buruh di ladang getahnya.
- (g) Murah dengan senyuman.
- (h) Baik hati, peramah, dan pandai menyesuaikan diri dengan masyarakat tempatan.
- (i) Bersifat penyayang dan suka berterus terang.

Sandra

- (a) Anak tunggal kepada Tuan Booth.
- (b) Berusia 27 tahun.
- (c) Bermata biru lembut dan berambut perang.
- (d) Gadis berbangsa Inggeris yang fasih berbahasa Melayu.
- (e) Menyimpan perasaan cinta terhadap Ahmad Mutawakkil secara diam-diam.
- (f) Baik hati dan penyayang.
- (g) Setia dalam percintaan.

Imam Ngah Deraman

- (a) Imam surau di kampung penulis.
- (b) Taat akan ajaran agama Islam.
- (c) Bertanggungjawab, rasional, dan berprasangka baik.
- (d) Bersifat penyayang.

Latar

Latar Tempat

- (a) Surau kampung penulis.
- (b) Banglo estet Tuan Booth.
- (c) Estet Ephill dan Estet Sungai Siput.
- (d) Kampung penulis.
- (e) Estet Tuan Booth.
- (f) Kebun kampung penulis.
- (g) Sawah.
- (h) England.

Latar Masa

- (a) Pertengahan tahun 30-an.
- (b) Waktu pagi, petang, dan malam.
- (c) Seminggu sebelum Jepun mendarat di Tanah Melayu.
- (d) Malam Jumaat, bulan Ogos tahun 1953.
- (e) 31 Ogos 1957.
- (f) 31 Ogos 1958.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.
- (b) Masyarakat berbangsa Melayu yang tinggal di kawasan perkampungan yang terpencil.
- (c) Masyarakat yang mengenang jasa pemuda yang telah banyak berkorban untuk membebaskan tanah air daripada musuh.
- (d) Masyarakat yang menjadi mangsa keganasan pihak pengganas.
- (e) Masyarakat tempatan yang bertindak kejam dan sanggup menjadi pembelot terhadap negara.
- (f) Masyarakat penjajah asing yang mengaut keuntungan ekonomi tanah air.
- (g) Masyarakat yang menaruh perasaan cinta tanpa sempadan bangsa dan adat resam.
- (h) Masyarakat kampung yang gigih bertani demi keperluan sara hidup.

Plot

Binaan Plot

- (a) Peristiwa-peristiwa dalam plot cerpen ini disusun secara tidak kronologi.
- (b) **Pengenalan** – Penulis memperkenalkan watak Ahmad Mutawakkil yang muncul secara tiba-tiba di pintu surau kampungnya sebaik sahaja para maknum selesai menunaikan solat maghrib. Ahmad Mutawakkil dalam keadaan cedera parah dan pakaianya dipenuhi darah serta lumpur.
- (c) **Perkembangan** – Penulis menceritakan kembali kisah kampungnya yang telah diteroka oleh poyangnya sejak tiga generasi yang lalu. Pada pertengahan tahun 30-an, Tuan Booth sekeluarga telah datang ke kampung itu untuk meneroka belukar dengan mengupah beratus-ratus orang buruh dan ditanami dengan pokok getah. Kemudian, lima belas buah keluarga buruh berketurunan India dibawa masuk untuk bekerja di estet getah milik Tuan Booth itu. Seterusnya, diriwayatkan kisah hidup Ahmad Mutawakkil yang menjadi yatim piatu selepas kematian bapanya, Wak Sadir. Penulis turut mengisahkan Ahmad Mutawakkil terpaksa menumpang hidup dengan Tuan Booth selama tiga tahun.
- (d) **Perumitan** – Pendataran askar Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941 ternyata mengubah suasana damai di kampung penulis. Ketiadaan Tuan Booth sekeluarga menyebabkan Ahmad Mutawakkil hidup terbiar. Atas dasar prihatin dan tanggungjawab, Imam Ngah Deraman menjadikan Ahmad Mutawakkil sebagai anak angkatnya. Tuan Booth kembali ke banglo di estetnya semula selepas Jepun menyerah kalah. Sandra, iaitu anak gadis Tuan Booth telah menyimpan perasaan terhadap Ahmad Mutawakkil. Hal ini mengundang pelbagai persoalan mengenai hubungan mereka dalam kalangan masyarakat kampung. Lima orang pengganas komunis telah menyerbu banglo Tuan Booth. Mereka mendesak Tuan Booth supaya menasihati Ahmad Mutawakkil agar tidak menghasut rakyat membenci ideologi komunis.
- (e) **Klimaks** – Ahmad Mutawakkil telah didatangi oleh seorang budak lelaki di surau pada malam Jumaat selepas dia selesai menyampaikan ceramahnya. Keesokan harinya, kehilangan Ahmad Mutawakkil menimbulkan tanda tanya dan kegelisahan dalam kalangan masyarakat kampung. Gerakan mencari Ahmad Mutawakkil di segenap pelosok kampung telah dijalankan oleh tiga kumpulan pencari termasuklah Tuan Booth. Ahmad Mutawakkil gagal ditemukan.
- (f) **Peleraian** – Ahmad Mutawakkil meninggal dunia di atas riba Imam Ngah Deraman akibat tembakan tiga butir peluru yang menembusi belakang bahunya. Pada malam 31 Ogos 1957, penduduk kampung telah mengadakan majlis doa kesyukuran untuk meraikan kemerdekaan tanah air dan majlis bacaan tahlil sebagai tanda mengenang jasa arwah Ahmad Mutawakkil. Setahun kemudian, Sandra kembali ke banglo peninggalan bapanya di estet getah itu lantaran kenangannya yang tidak pernah lenyap terhadap Ahmad Mutawakkil. Dia telah mengajar anak-anak penduduk kampung membaca dan menulis.
- Teknik Plot**
- (a) Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Ahmad Mutawakkil dengan Sandra. Ahmad Mutawakkil berasa terhutang budi atas kesudian Sandra mengajarnya menulis dan membaca.
- (b) Teknik imbas kembali. Contohnya, penulis mengimbaskan kembali peristiwa kedatangan sebuah keluarga Orang Putih ke kampungnya.
- (c) Teknik imbas muka. Contohnya, penulis membayangkan ketiadaan Sandra, anak gadis Tuan Booth pada malam penyampaian pidato oleh Ahmad Mutawakkil di kampungnya berkemungkinan disebabkan faktor kesihatan atau faktor merajuk.
- (d) Teknik kejutan. Contohnya, kemunculan Ahmad Mutawakkil dalam keadaan cedera parah di pintu surau pada permulaan cerita menimbulkan kejutan kepada pembaca sedangkan dialah watak utama dalam cerpen ini.
- (e) Teknik monolog dalaman. Contohnya, penulis melahirkan rasa kesyukuran dalam hatinya atas dua perkara walaupun ketika itu Jepun sedang menjajah negerinya itu.
- (f) Teknik pemerian. Contohnya, penulis memerihalkan keadaan Ahmad Mutawakkil sewaktu dia muncul secara tiba-tiba di pintu surau kampungnya.
- (g) Teknik saspens. Contohnya, peristiwa kemaraan askar Jepun yang menyerang Tanah Melayu pada tahun 1941 telah menimbulkan tanda tanya kepada pembaca tentang nasib penduduk kampung penulis.

Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contoh: *solat maghrib; Alhamdulillah; syahadah*.
- (b) Metafora. Contoh: *wajah kampung; garisan perang; sayap parti*.
- (c) Paradoks. Contoh: *Suaranya bersahaja, tetapi setiap patah perkataan yang disebutnya cukup untuk menyemarakkan hati sanubari kami*.
- (d) Peribahasa. Contoh: *anak angkatnya; menjaga tepi kain orang; minta diri*.
- (e) Personifikasi. Contoh: *diratah atau dirobek peluru; ketegangan merayap ke seluruh negara*.
- (f) Repetisi. Contoh: *Hati Melayu tak reti bermusuh, hati Melayu penuh dengan persahabatan*.
- (g) Simile. Contoh: *laksana lautan emas kala musim menuai; Darah membuat-buat **bagai** mata air*.
- (h) Sinkope. Contoh: *"Dari dulu, saya tau awak bijak ... tapi saya tak sangka, awak akan sehebat ini."*

Nilai

- (a) Nilai kasih sayang. Contohnya, Tuan Booth amat menyayangi isteri dan anak perempuannya, Sandra apabila dia bertindak membawa mereka meninggalkan banglo di estetnya seminggu sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu.
- (b) Nilai patriotisme. Contohnya, Ahmad Mutawakkil meniupkan api semangat patriotik melalui penulisannya dalam surat khabar dan melalui ceramah yang disampaikannya kepada masyarakat kampung.
- (c) Nilai keberanian. Contohnya, Ahmad Mutawakkil berani bersuara dengan lantang dan secara terang-terangan membidas serta mengkritik perjuangan pihak komunis.
- (d) Nilai ketabahan. Contohnya, Ahmad Mutawakkil tabah berdepan dengan pelbagai cabaran dalam perjuangannya menuntut kemerdekaan negara.
- (e) Nilai kebijaksanaan. Contohnya, Ahmad Mutawakkil bijak memanfaatkan peluang semasa menumpang di banglo Tuan Booth selama tiga tahun dengan belajar membaca dan menulis bahasa Inggeris daripada Sandra.
- (f) Nilai bertanggungjawab. Contohnya, Imam Ngah Deraman bertanggungjawab mencari dan membawa Ahmad Mutawakkil pulang ke rumahnya selepas Tuan Booth sekeluarga meninggalkan banglonya seminggu sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu.

- (g) Nilai kerjasama. Contohnya, tiga kumpulan pencari bekerjasama mencari jejak Ahmad Mutawakkil yang hilang.
- (h) Nilai hormat-menghormati. Contohnya, Tuan Booth sekeluarga amat menghormati masyarakat kampung penulis yang berbangsa Melayu.
- (i) Nilai mengenang jasa. Contohnya, penduduk kampung menganjurkan majlis doa kesyukuran dan bacaan tahlil bagi mengenang segala pengorbanan Ahmad Mutawakkil sebagai nasionalis muda yang telah banyak berjasa kepada penduduk kampung.

Pengajaran

- (a) Kita harus berani dalam melakukan sebarang tindakan.
- (b) Kita mestilah memupuk semangat cinta akan negara untuk memerdekakan tanah air daripada anasir pengganas dan penjajah.
- (c) Kita perlu bekerjasama dan bantu-membantu dalam melakukan sesuatu perkara.
- (d) Kita hendaklah tabah menghadapi pelbagai kesulitan dan keperitan hidup pada zaman perang.
- (e) Kita mestilah mengenang budi seseorang yang telah banyak berjasa kepada agama, bangsa, dan tanah air.
- (f) Kita hendaklah mempererat ikatan kasih sayang sesama anggota keluarga sekali gus melindungi mereka daripada sebarang bahaya atau ancaman.
- (g) Kita sepatutnya bijak merebut peluang untuk menambah ilmu.

2. Hipertensi (*Illias Zaidi*)

Sinopsis

Aiman berehat di rumah banglo keluarganya yang terletak di lereng bukit yang sudah gondol akibat kerja-kerja penerokaan dan pembangunan tanah. Kemudian, cerita berkisar tentang peristiwa masa lalu yang ditempuhi sepanjang perjalanan hidup Aiman. Aiman teringat tentang Teori Gravitasi yang dicetuskan oleh Isaac Newton, saintis berbangsa Inggeris. Dalam sesi pengajaran subjek Sains pula, berlaku perdebatan idea antara Aiman dengan Cikgu Faridah sehingga suasana di dalam kelas itu menjadi riuh. Cikgu Faridah menggelarkan Aiman sebagai profesor disebabkan kepintarannya dan mempunyai daya berfikir yang tinggi. Dia juga lebih matang berbanding dengan rakannya yang lain.

Aiman teringat akan kisahnya sebagai anak sulung. Dia mempunyai dua orang adik perempuan, iaitu Fadilah Fatnin dan Azilah Atiqah. Ketika di rumah, Aiman selalu menyindir adik-adiknya yang kurang bijak menyelesaikan masalah matematik. Ketika menuntut di sekolah rendah, Aiman teringat perbuatannya yang selalu ponteng sekolah akibat berasa bosan dan jelak dengan silibus sekolah rendah yang dikatakan tidak setanding dengan daya pemikirannya yang cerdik pada waktu itu. Disebabkan Aiman dikurniakan daya berfikir yang tinggi, dia gemar menyakat kawan-kawannya yang agak lambat menyelesaikan latihan terutamanya mata pelajaran Matematik. Perbuatannya yang suka menyakat kawan-kawannya dan merayau di dalam kelas itu menyebabkan Aiman selalu ditegur oleh guru kelasnya. Beliau melaporkan perkara itu kepada ibu bapa Aiman. Bapa Aiman telah merotan Aiman pada bahagian pinggul sehingga lebam.

Aiman ponteng kelas kerana lebam pada pinggulnya masih belum hilang. Kesempatan itu digunakan oleh Aiman

untuk berhalusinasi tentang dunia penerokaan sains angkasa lepas. Dalam imaginasi itu, usia sedia adanya waktu itu ditambah sepuluh tahun. Sebatang pohon nyiur dara di penjurut banglonya diandaikan sebagai tempat berlepas ke angkasa dan sebuah kapal angkasa Soyuz. Sikap peliknya terhadap dunia penerokaan sains angkasa lepas dengan menjadikan pohon kelapa dara sebagai lokasi imaginasi telah diketahui oleh ibu bapanya. Kesudahannya, pinggul Aiman dirotan oleh bapanya lagi. Ibunya hanya mampu memprotes tindakan bapanya itu di dalam hati.

Aiman semakin galak membayangkan dirinya sebagai angkasawan yang telah diberi peluang mengikuti latihan intensif di bawah program aeroangkasa bersama dengan pihak Rusia. Aiman membayangkan dirinya sebagai angkasawan yang akan mendarat di bulan dengan menaiki kapal angkasa Soyuz dari Stesen Angkasa Antarabangsa. Aiman berpendapat bahawa dia perlu membuat kajian saintifik di Stesen Angkasa Antarabangsa itu terlebih dahulu sebelum dia meneroka bulan. Seterusnya, daya imaginasi Aiman semakin meluas apabila dia membayangkan dirinya berada di ruang udara kasar bulan tanpa udara. Dengan berpakaian lengkap sebagai angkasawan, dia dapat melihat ciri-ciri fizikal dan keadaan bulan yang sebenarnya.

Setelah Aiman meningkat remaja, daya imaginasi terhadap dunia penerokaan sains angkasa lepas itu masih kuat. Keadaan tersebut menyebabkan bapanya yang tegas dan kasar itu sering kali menampar Aiman yang kuat berangan-angan sehingga menyebabkan dia menjadi gagap. Bagi mengatasi masalah Aiman yang gagap dalam pertuturan, ibu bapa Aiman telah membawa Aiman menjalani latihan intensif dan latihan terapi. Aiman terdengar suara ghaib yang mengajaknya agar berprijak di bumi yang nyata, iaitu melihat dirinya sendiri dalam kehidupan yang realiti dan lebih mendekatkan diri kepada Ilahi. Aiman beranggapan bahawa ibu bapanya tidak perlu membawanya untuk mengikuti latihan intensif dan latihan terapi itu. Akhirnya, Aiman sedar akan kesilapannya yang terlalu jauh berimajinasi lalu memanjatkan doa dan harapannya ke hadrat Ilahi.

Tema

Cerpen "Hipertensi" bertemakan keinginan yang tinggi dalam bidang sains angkasa sehingga menyebabkan Aiman Aqil membayangkan dirinya berada dalam suasana di angkasa.

Persoalan

- (a) Tanggungjawab ibu bapa terhadap anaknya.
- (b) Kebijaksanaan dalam menyelesaikan sesuatu perkara.
- (c) Rasional dalam membuat sebarang keputusan atau tindakan.
- (d) Pengorbanan seorang guru terhadap anak murid.
- (e) Impian dan angan-angan yang tidak kesampaian.
- (f) Perasaan dendam akibat kesalahan bapa pada masa lampau.

Watak dan Perwatakan

Aiman Aqil

- (a) Berumur hampir 20 tahun.
- (b) Berwajah agak cengkung dan memiliki jari-jemari tangan yang kurus runcing.
- (c) Anak sulung dan mempunyai dua orang adik perempuan, iaitu Fadilah Fatnin dan Azilah Atiqah.
- (d) Gagap, iaitu mulutnya terenggan lebar dahulu sebelum keluar kata-kata.

- (e) Mementingkan pengambilan makanan seimbang dan mengamalkan gaya hidup sihat.
- (f) Pintar dalam pelajaran terutamanya subjek Matematik dan Sains.
- (g) Menyimpan angan-angan untuk menjadi angkasawan seperti Neil Armstrong.
- (h) Gemar menyakat orang lain.
- (i) Suka memberontak dan marah-marah.
- (j) Menyimpan dendam terhadap kebengisan bapanya yang sering merotan dan menamparnya.
- (k) Insaf akan kesilapannya yang terlalu jauh berimajinasi lalu memanjatkan doa dan harapannya ke hadrat llahi.

Bapa Aiman

- (a) Bapa kepada Aiman Aqil, Fadilah Fatnin, dan Azilah Atiqah.
- (b) Bertugas sebagai jurutera mekanikal.
- (c) Dipanggil dengan gelaran "babah" oleh Aiman dan anak-anaknya.
- (d) Bertanggungjawab membesarlu tiga orang anaknya di sebuah rumah.
- (e) Pembengis dan garang.
- (f) Bapa yang penyayang.
- (g) Berusaha merawat masalah kegagapan anaknya dengan membawa Aiman menjalani latihan intensif dan terapi.

Ibu Aiman

- (a) Ibu kepada tiga orang anak, iaitu Aiman Aqil, Fadilah Fatnin, dan Azilah Atiqah.
- (b) Santis dalam bidang geologi.
- (c) Bersifat penyayang.
- (d) Isteri yang taat dan patuh akan suami.
- (e) Tetap bersabar dengan sikap garang suaminya dalam mendidik anak-anak.

Cikgu Faridah

- (a) Guru Sains di sekolah Aiman.
- (b) Guru yang dedikasi.
- (c) Cepat marah.
- (d) Bijak melihat potensi murid.

Latar

Latar Tempat

- (a) Sekolah.
- (b) Rumah banglo Aiman.
- (c) Stesen Angkasa Antarabangsa.
- (d) Ruang udarakasa bulan.
- (e) Pohon kelapa dara di penjuru banglo.

Latar Masa

- (a) Waktu pagi.
- (b) Zaman sekolah rendah.
- (c) Zaman remaja.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang bercita-cita tinggi.
- (b) Masyarakat yang bijak dalam pelajaran.
- (c) Masyarakat yang bekerja sebagai pendidik.
- (d) Masyarakat yang penyayang terhadap anggota keluarga.
- (e) Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap penyakit anaknya.
- (f) Masyarakat yang bengis.
- (g) Masyarakat yang insaf akan kesilapannya lalu.
- (h) Masyarakat yang berpendirian tegas dalam membuat keputusan.
- (i) Masyarakat pendendam yang masih mengingati kisah lalu.

Plot

Binaan Plot

- (a) Plot cerpen ini disusun mengikut kronologi.
- (b) **Pengenalan** – Aiman berehat di rumah banglo keluarganya. Banglo tersebut terletak di lereng bukit yang sudah gondol akibat kerja-kerja penerokaan dan pembangunan tanah.
- (c) **Perkembangan** – Aiman teringat tentang Teori Gravitasi yang dicetuskan oleh Isaac Newton, saintis berbangsa Inggeris itu. Dalam sesi pengajaran subjek Sains pula, berlaku perdebatan idea antara Aiman dengan Cikgu Faridah sehingga mencetuskan suasana riuh di dalam kelas itu. Cikgu Faridah menggelarkan Aiman sebagai profesor disebabkan kepintarannya, ketinggian daya berfikirnya, dan kematiangannya berbanding dengan murid-murid lain.

- (d) **Perumitan** – Aiman teringat akan perbuatannya yang selalu ponteng sekolah kerana bosan dengan silibus sekolah rendah yang tidak setanding dengan daya pemikirannya pada waktu itu. Oleh hal yang demikian, Aiman gemar menyakat kawan-kawannya yang agak lambat menyiapkan latihan. Perbuatannya yang suka menyakat kawan-kawannya dan merayau di dalam kelas itu menyebabkan Aiman selalu ditegur oleh guru kelasnya. Beliau melaporkan perkara itu kepada ibu bapa Aiman. Akibatnya, Aiman dirotan oleh bapanya pada bahagian pinggul sehingga lebam.

- (e) **Klimaks** – Daya imaginasi Aiman terhadap dunia penerokaan sains angkasa lepas itu masih begitu kuat setelah Aiman meningkat remaja. Keadaan tersebut menyebabkan bapanya sering menampar Aiman yang kuat berangan-angan sehingga menyebabkan dia menjadi gagap. Bagi mengatasi masalah Aiman yang gagap, ibu bapa Aiman telah membawa Aiman menjalani latihan intensif dan latihan terapi.

- (f) **Peleraian** – Akhirnya Aiman sedar daripada imaginasi dan angan-angannya selama ini. Hal ini demikian kerana dia terdengar suara ghaib yang mengajaknya agar berpijak di bumi yang nyata, iaitu melihat dirinya dalam kehidupan yang realiti dan lebih mendekatkan diri kepada llahi.

Teknik Plot

- (a) Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Aiman dengan Cikgu Faridah berhubung dengan Teori Gravitasi yang diperkenalkan oleh Isaac Newton.
- (b) Teknik imbas kembali. Contohnya, Aiman teringat kembali kisahnya ketika belajar di sekolah rendah. Dia selalu ponteng sekolah dengan alasan berasa bosan dengan pengajaran guru di dalam kelas.
- (c) Teknik imbas muka. Contohnya, Aiman membayangkan dirinya sudah lulus dalam peperiksaan pada peringkat pengajaran tinggi dengan memperoleh ijazah kelas pertama dalam bidang aeroangkasa.
- (d) Teknik monolog dalaman. Contohnya, Aiman bermonolog bahawa dia tidak akan berasa hairan dengan Teori Gravitasi yang diperkenalkan oleh Isaac Newton sekiranya dia lahir pada tahun yang sama dengan beliau.
- (e) Teknik pemerian. Contohnya, penulis memerihalkan keadaan Aiman sewaktu dia dilahirkan.
- (f) Teknik saspens. Contohnya, peristiwa percanggahan pendapat antara Aiman dengan Cikgu Faridah benar-benar menimbulkan perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca tentang penyelesaian pendapat mereka itu.

Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Inggeris. Contoh: *IQ; genius.*
- (b) Inversi. Contoh: *Keterujaan Aiman terus melonjak* (sepautnya: *Aiman terus melonjak keterujaan*).
- (c) Istilah sains angkasa lepas. Contoh: *orbit; aeroangkasa; planet.*
- (d) Metafora. Contoh: *dedaun kemaafan; tasik hati; pentas halusinasinya.*
- (e) Personifikasi. Contoh: *Sang Suria memuncaki ubun-ubun; Keriangan sudah tercantas; Tamparan selalu singgah di pipiku.*
- (f) Repetisi. Contoh: *Tidak ada udara. Tidak ada air.*
- (g) Simile. Contoh: *terlompat-lompat macam beruk dan kera di bulan; seperti Si Luncai yang terjun dengan labu-labunya.*

Nilai

- (a) Nilai kebijaksanaan. Contohnya, Aiman dapat menyelesaikan masalah matematik murid Tingkatan Lima walhal umurnya ketika itu baru lapan tahun.
- (b) Nilai kasih sayang. Contohnya, ibu Aiman amat menyayangi anak-anaknya, iaitu Aiman Aqil, Fadilah Fatnin, dan Azilah Atiqah.
- (c) Nilai belas kasihan/bersimpati. Contohnya, ibu Aiman berasa kasihan setiap kali melihat Aiman dirotan oleh suaminya.
- (d) Nilai dedikasi. Contohnya, Cikgu Faridah menerangkan Teori Graviti dengan bersungguh-sungguh kepada Aiman dan kawan-kawannya.
- (e) Nilai tanggungjawab. Contohnya, bapa Aiman berusaha merawat masalah kegagapan anaknya dengan membawa Aiman menjalani latihan intensif dan latihan terapi.
- (f) Nilai kesabaran. Contohnya, ibu Aiman bersabar dengan sikap garang suaminya dalam mendidik anak-anak terutamanya Aiman.
- (g) Nilai keinsafan. Contohnya, Aiman sedar akan kesilapannya yang terlalu jauh berimajinasi lalu memanjatkan doa dan harapannya ke hadrat Ilahi.

Pengajaran

- (a) Kita sepautnya menyayangi anggota keluarga kita.
- (b) Kita hendaklah bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah.
- (c) Kita mestilah dedikasi dan amanah dalam melaksanakan tugas yang diberikan.
- (d) Kita perlu bertanggungjawab terhadap aspek kesihatan anggota keluarga.
- (e) Kita hendaklah bersabar apabila berdepan dengan masalah.
- (f) Kita mestilah rasional dalam melaksanakan sesuatu tindakan.
- (g) Kita harus mementingkan kebersihan mental dan fizikal untuk menjalani kehidupan yang sihat dan berkualiti.

3. Gerhana Manusia (Aminah Mokhtar)

Sinopsis

Profesor Doktor Juaidi cuba mempengaruhi kikitangannya agar memastikan semua pek darah yang ada di hospital diberikan kepada Tuan Besar Musa. Nusia, iaitu jururawat di wad Unit Rawatan Rapi ditugaskan untuk memberikan rawatan kepada Tuan Besar Musa yang sedang koma dan semakin tenat akibat pengambilan minuman keras selama bertahun-tahun. Nusia memberitahu Doktor Murni bahawa bank darah sudah kehabisan stok

tabung darah. Doktor Murni mengarahkan Nusia agar menghebahkan masalah itu kepada pihak media dengan harapan ada insan yang mahu menderma darahnya kepada Tuan Besar Musa.

Nusia merasakan bahawa Tuan Besar Musa tidak mampu diselamatkan lagi kerana beliau cuma bergantung pada alat sokongan hayat. Bagi Nusia, dalam keadaan kritis tersebut, bacaan surah Yasin dan pengucapan *Syahadah* lebih diperlukan. Nusia turut mempersoalkan waris Tuan Besar Musa yang tidak menjenguknya di hospital. Doktor Murni menyatakan bahawa Profesor Doktor Juaidi mahu Tuan Besar Musa hidup. Nusia mempertikaikan tindakan Profesor Doktor Juaidi kerana harapan Tuan Besar Musa untuk hidup adalah terlalu nipis. Nusia beranggapan bahawa arahan Profesor Doktor Juaidi supaya dia memasukkan darah ke dalam tubuh Tuan Besar Musa itu suatu pembaziran. Doktor Murni meminta Nusia agar tidak terlalu beremosi dan menurut sahaja arahan itu.

Di wad Unit Rawatan Rapi terdapat pesakit-pesakit lain yang sedang koma dan menunggu bantuan darah untuk membolehkan mereka kembali sihat. Antaranya, Solehah yang tenat dan koma akibat pundi janinnya yang pecah di ovari. Al-Hafiz pula ditimpa kemalangan kereta. Di wad Unit Rawatan Rapi itu juga terdapat bayi buangan yang hampir kekeringan darah, gadis malang yang koma dan tenat akibat didera, serta mahasiswa yang menghidap penyakit leukemia. Nusia mengatakan selagi riwayat hidup pesakit di wad itu ditentukan oleh Profesor Doktor Juaidi, maka selama itulah akan berlaku ketidakadilan dalam proses rawatan di situ.

Profesor Doktor Juaidi mengarahkan Doktor Murni mendapatkan sepuhul pek darah di hospital lain dengan segera setelah diberitahu bahawa bank darah di hospital sudah kehabisan. Profesor Doktor Juaidi memberitahu Nusia bahawa Tuan Besar Musa merupakan tokoh korporat dan teknokrat yang banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit hospital itu. Sifat dermawannya yang telah menaja majlis makan malam tahunan yang bernilai beratus-ratus ribu menyebabkan Profesor Doktor Juaidi berasa amat terhutang budi dan mencuba sedaya upaya untuk menyelamatkan nyawanya.

Nusia memberitahu Profesor Doktor Juaidi bahawa tekanan darah Solehah semakin rendah. Profesor Doktor Juaidi menyuruh Nusia memberikan *gelfundin* bagi menggantikan darah disebabkan bekalan darah tidak mencukupi. Nusia mempertikaikan tindakan Profesor Doktor Juaidi yang enggan memberikan darah tulen kepada Solehah. Profesor Doktor Juaidi menyoal Nusia tentang status perempuan yang sedang koma itu jika dibandingkan dengan Tuan Besar Musa. Akhirnya Nusia akur akan arahan Profesor Doktor Juaidi. Dia mengambil sebotol *gelfundin* lalu dimasukkan ke dalam tubuh Solehah yang sedang koma untuk menggantikan darah.

Nusia meluahkan rasa kesalnya kepada Doktor Murni mengenai pek-pek darah dalam bank darah di hospital itu adalah kepunyaan kelab yang boleh dijual. Doktor Murni memujuk Nusia supaya tidak terlalu emosional kerana mereka ialah golongan minoriti di hospital itu. Nusia mengatakan bahawa berlakunya pembaziran darah apabila seratus pek darah diperlukan selama dua hari untuk menyelamatkan Tuan Besar Musa. Walhal, hanya empat pek darah diperlukan untuk menyelamatkan mahasiswa yang berpenyakit leukemia itu dan setengah pek darah diperlukan untuk menghidupkan bayi buangan yang sedang koma.

Nusia memberitahu juruteknik makmal darah bahawa hanya lima pek darah diperlukan untuk memberikan peluang kepada empat orang yang sedang koma pulih kembali. Nusia mengatakan bahawa juruteknik makmal itu akan menjadi pembunuhan jika dia enggan melepaskan pek-pek darah tersebut. Juruteknik makmal darah itu menegaskan bahawa darah itu adalah untuk kegunaan Tuan Besar Musa. Nusia menjelaskan bahawa Tuan Besar Musa sebenarnya sudah mati. Denyutan jantungnya ketika itu hanya dirangsangkan oleh adrenalina, dopamin, dan atropina. Juruteknik makmal darah itu akhirnya termakan pujukan Nusia dan menyerahkan lima pek darah sejak itu kepada Nusia. Nusia menjelaskan kepada juruteknik makmal darah itu bahawa dia sanggup menanggung segala risiko dan herdikan atas tindakannya itu.

Nusia berasa bahawa bantuan darah-darah itu mampu menyelamatkan Solehah, mahasiswa yang menghidap penyakit leukemia, dan menyembuhkan al-Hafiz yang boleh mengajar beratus-ratus tafhiz kecil. Bagi Nusia, sekiranya lima pek darah itu dimasukkan ke dalam tubuh Tuan Besar Musa, nilai pembaziran yang amat besar dilakukan oleh Profesor Doktor Juaidi.

Profesor Doktor Juaidi pula berusaha menyelamatkan nyawa Tuan Besar Musa dengan meningkatkan kadar penggunaan adrenalina, dopamin, dan atropina. Namun begitu, Tuan Besar Musa gagal diselamatkan dan meninggal dunia. Profesor Doktor Juaidi berasa tertekan kerana kematiannya menyebabkan kelab elit mereka akan kehilangan tajaan sebanyak RM100 ribu.

Doktor Murni menyerahkan surat peletakan jawatannya sebagai doktor perubatan di hospital itu yang mengetepikan nilai-nilai kemanusiaan terhadap pesakit. Keadaan tersebut menyebabkan Profesor Doktor Juaidi tercengang dengan keputusan Doktor Murni. Kemudian, Doktor Murni menggapai tangan Nusia dan mengajaknya ke bank darah supaya mereka dapat menderma darah untuk disalurkan kepada semua pesakit yang sedang koma di wad Unit Rawatan Rapi itu.

Tema

Cerpen "Gerhana Manusia" bertemakan sikap mementingkan ganjaran material ketika merawat pesakit sehingga membatas nilai kemanusiaan.

Persoalan

- Pengabaian nilai kemanusiaan akibat ganjaran material.
- Ketabahan pesakit melawan penyakit yang dihadapi.
- Perasaan belas simpati sesama manusia.
- Kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah.
- Bertanggungjawab dan amanah dalam melaksanakan tugas.
- Rasional dalam membuat tindakan.
- Percaya kepada qada dan qadar.

Watak dan Perwatakan

Nusia

- Jururawat yang bertugas di wad Unit Rawatan Rapi di sebuah hospital.
- Akur akan perintah ketua.
- Bersifat penyayang.
- Mengambil berat terhadap kesihatan pesakit-pesakitnya.
- Jururawat yang bertanggungjawab.
- Mudah bersimpati dan berhati mulia.
- Pandai memujuk.

Doktor Murni

- Pegawai perubatan muda di sebuah hospital.
- Merawat pesakit di wad Unit Rawatan Rapi di sebuah hospital.
- Mementingkan aspek kemanusiaan pesakit.
- Prihatin dan bertanggungjawab.
- Bersifat tenang ketika merawat pesakit.
- Berpendirian tegas.
- Rasional dalam membuat tindakan.

Profesor Doktor Juaidi

- Pegawai perubatan senior di sebuah hospital.
- Ketua jabatan kepada Doktor Murni dan Nusia.
- Sudah berumur, bermata bulat, dan berkening lebat.
- Lebih mengutamakan ganjaran material daripada nilai-nilai kemanusiaan.
- Bijak dalam menyelesaikan masalah.
- Tidak bertanggungjawab.
- Mementingkan aktiviti sosial.

Tuan Besar Musa

- Ahli korporat dan teknokrat yang memiliki gedung perniagaan yang besar.
- Bersifat dermawan.
- Suami kepada wanita jelita yang tidak setia.
- Berperut buncit.
- Mengambil minuman keras selama bertahun-tahun.
- Pesakit yang sedang koma, namun akhirnya meninggal dunia akibat kegagalan fungsi tubuhnya yang mengalami kehilangan darah yang banyak.
- Penyumbang utama dana kepada kelab elit hospital.

Latar

Latar Tempat

- Wad Unit Rawatan Rapi.
- Bank darah.
- Hospital.

Latar Masa

- Dua hari.
- Hari ini.
- Hari semalam/kelmarin.

Latar Masyarakat

- Masyarakat yang amat bersimpati atau prihatin terhadap pesakit.
- Masyarakat yang tidak berperikemanusiaan terhadap kesihatan pesakit.
- Masyarakat yang hanya mementingkan ganjaran material semata-mata.
- Masyarakat yang akur akan perintah ketua.
- Masyarakat yang bertugas di hospital.
- Masyarakat yang berhati mulia dan murah hati.
- Masyarakat yang bijak dalam menyelesaikan masalah.

Plot

Binaan Plot

- Peristiwa-peristiwa dalam plot cerpen ini disusun secara kronologi.
- Pengenalan** – Tuan Besar Musa sedang koma dan tenat akibat perbuatannya yang mengambil minuman keras selama bertahun-tahun. Pada waktu itu, Nusia, Doktor Murni, dan Profesor Doktor Juaidi berusaha untuk menyelamatkan nyawanya yang berada di ambang maut.
- Perkembangan** – Nusia telah memberitahu Doktor Murni bahawa stok tabung darah di bank darah yang

- sudah kehabisan. Doktor Murni mengarahkan Nusia menghebahkan masalah itu kepada pihak media dengan harapan ada insan yang mahu mendermakan darahnya kepada Tuan Besar Musa.
- (d) **Perumitan** – Nusia berasa bahawa Tuan Besar Musa tidak mampu diselamatkan lagi kerana dia hanya bergantung pada alat sokongan hayat. Nusia membantah tindakan Profesor Doktor Juaidi yang memintanya memasukkan darah tulen ke dalam tubuh Tuan Besar Musa kerana 50 pek darah yang dimasukkan ke dalam tubuhnya sebelum itu telah keluar semula. Selepas itu, Nusia memujuk juruteknik makmal darah agar memberikan lima pek darah tulen yang sejuk itu untuk kegunaan pesakit-pesakit lain. Juruteknik makmal darah itu termakan pujuhan Nusia dan menyerahkan lima pek darah sejuk itu kepadanya. Nusia menjelaskan kepada juruteknik makmal darah itu bahawa dia sanggup menanggung segala risiko dan herdikan atas tindakannya itu.
- (e) **Klimaks** – Profesor Doktor Juaidi berusaha untuk menyelamatkan nyawa Tuan Besar Musa dengan meningkatkan kadar penggunaan adrenalina, dopamin, dan atropina.
- (f) **Peleraian** – Tuan Besar Musa gagal diselamatkan dan menghembuskan nafasnya yang terakhir. Profesor Doktor Juaidi berasa tertekan atas kematian Tuan besar Musa kerana kelab elit mereka akan kehilangan tajaan sebanyak RM100 ribu. Doktor Murni pula menyerahkan surat peletakan jawatannya sebagai doktor perubatan di hospital itu. Kemudian, Doktor Murni menggapai tangan Nusia dan mengajaknya ke bank darah supaya mereka dapat mendermakan darah untuk semua pesakit yang sedang koma di wad Unit Rawatan Rapi itu.

Teknik Plot

- (a) Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Profesor Doktor Juaidi dengan Nusia berkaitan keadaan Solehah yang mengalami tekanan darah yang semakin rendah.
- (b) Teknik imbas muka. Contohnya, Nusia membayangkan bahawa lima pek darah sejuk yang berada di tangannya mampu menyembuhkan penyakit Solehah, mahasiswa leukemia, dan al-Hafiz.
- (c) Teknik monolog dalaman. Contohnya, Nusia bermonolog dalaman dengan mempersoalkan pesakit yang akan diberikan bekalan darah apabila mendengar arahan Profesor Doktor Juaidi supaya Doktor Murni mendapatkan bekalan darah daripada hospital lain.
- (d) Teknik pemerian. Contohnya, penulis memerihalkan keadaan Tuan Besar Musa yang sedang koma akibat penyakitnya itu dan masih hidup dengan bantuan alat sokongan hayat.
- (e) Teknik saspens. Contohnya, peristiwa tindakan Nusia yang berjaya memujuk juruteknik makmal darah agar menyerahkan lima pek darah tulen sejuk kepadanya menimbulkan tanda tanya dan perasaan ingin tahu kepada pembaca tentang perkara selanjutnya yang akan berlaku akibat tindakannya itu.

Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contoh: *Syahadah; Yasin; Masya-Allah*.
- (b) Inversi. Contoh: *Darah dan manusia itu, berbezakah nilainya?* (*sepatautnya Berbezakah nilainya darah dan manusia itu?*)
- (c) Istilah sains perubatan. Contoh: *alveolus paru-paru; Platelet; atropina*.
- (d) Metafora. Contoh: *layar rakaman hayat*.
- (e) Paradoks. Contoh: *Aku cuba tersenyum walaupun hati terasa pedih*.

- (f) Personifikasi. Contoh: *renungan mata Doktor Murni menikam anak mataku; Tajam mata liar garangnya menangkap wajah lembut Doktor Murni*.
- (g) Repetisi. Contoh: *Dua pek darah daripada awak, dua pek darah daripada saya...*
- (h) Simile. Contoh: *Firasat itu umpama mimpi barangkali; memancut bagai paip bocor*.
- (i) Simpulan bahasa. Contoh: *nyawa-nyawa ikan; kurang ejar; lintah darat*.

Nilai

- (a) Nilai belas kasihan. Contohnya, Nusia menitiskan air mata apabila melihat penderitaan yang ditanggung oleh Solehah.
- (b) Nilai bertanggungjawab. Contohnya, sebagai seorang jururawat, Nusia bertanggungjawab merawat semua pesakitnya tanpa mengira darjah atau pangkat seseorang.
- (c) Nilai kasih sayang. Contohnya, Nusia amat menyayangi dan mengambil berat terhadap kesihatan pesakit-pesakitnya.
- (d) Nilai kebijaksanaan. Contohnya, Profesor Doktor Juaidi bijak mengatasi masalah kekurangan bekalan darah di bank darah dengan mengarahkan Doktor Murni mendapatkan bekalan darah tersebut daripada hospital lain.
- (e) Nilai menghargai nyawa. Contohnya, Nusia mengatakan bahawa hanya lima pek darah diperlukan untuk menyelamatkan empat nyawa pesakit yang sedang koma.
- (f) Nilai baik hati. Contohnya, Doktor Murni bersedia mendermakan darahnya untuk bekalan darah yang kehabisan di bank darah.
- (g) Nilai murah hati. Contohnya, Tuan Besar Musa merupakan dermawan yang prihatin terhadap kebajikan kakitangan hospital.
- (h) Nilai keberanian. Contohnya, Nusia berani menanggung risiko berhubung tindakannya yang mendesak juruteknik makmal darah agar menyerahkan lima pek darah sejuk kepadanya.
- (i) Nilai rasional. Contohnya, Nusia mendesak juruteknik makmal darah agar menyerahkan lima pek darah sejuk kepadanya untuk menyelamatkan empat nyawa pesakit yang sedang koma.
- (j) Nilai keyakinan. Contohnya, Doktor Murni menyerahkan surat peletakan jawatannya kerana dia yakin ada hospital lain yang akan mengambilnya sebagai doktor perubatan.

Pengajaran

- (a) Kita mestilah bersifat penyayang sesama insan tanpa mengira darjah atau pangkat seseorang.
- (b) Kita hendaklah bersympati terhadap orang yang bernasib malang.
- (c) Kita perlu bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diberi.
- (d) Kita hendaklah bijak berikhtiar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- (e) Kita sepatutnya bersedia menderma darah untuk menyelamatkan nyawa pesakit/insan yang memerlukannya.
- (f) Kita mestilah berani bersuara untuk menegakkan kebenaran dan menghindari perbuatan yang mungkar.
- (g) Kita harus bersikap rasional dan mengetepikan kepentingan material serta mengutamakan nyawa manusia.
- (h) Kita sepatutnya bersikap adil terhadap semua pesakit.



UNIT 5: Drama

Bukan Gila (Sharif Shaary)

Sinopsis

Azmir sedang dirawat di wad pesakit jiwa Hospital Besar. Sewaktu berada di wad tersebut, Azmir telah berkhalayak tentang kehadiran kekasihnya, iaitu Ani. Azmir meminta Ani membawanya keluar dari situ tetapi Ani memberitahu Azmir bahawa mereka bahagia di tempat itu.

Kemudian, Azmir berkhalayak lagi tentang kehadiran ayahnya. Beliau bertanyakan khabar Azmir tetapi Azmir memanggil Ani untuk mengusir ayahnya. Ayahnya mengatakan bahawa beliau sayang akan Azmir tetapi Azmir menganggap ayahnya berbohong lalu berlaku pertelingkahan antara Azmir dengan ayahnya. Kemudian, Azmir berkhalayak tentang Pak Haji yang datang melawatnya dan memberi salam. Azmir bertengkar pula dengan Pak Haji tentang namanya yang bukan nama orang Melayu dan sikap manusia yang dikatakan oleh Azmir bercakap lain tetapi berbuat lain.

Ani muncul semula. Azmir bertanya tentang sebab Ani masih di sisinya. Sewaktu itu, Azmir dan Ani bercakap tentang cinta mereka dan makna cinta. Azmir mengatakan bahawa cinta Ani masih bersifat luaran.

Selepas memeriksa Azmir, doktor membenarkan Azmir bersiar-siar di luar wad. Kesempatan itu diambil oleh Azmir untuk keluar dari wad Hospital Besar. Azmir tiba di lokasi sekumpulan pelakon drama yang sedang berlatih drama yang bertajuk *Sasau*. Azmir mengatakan bahawa pelakon-pelakon drama *Sasau* itu sesat. Malah, Azmir memberikan pendapatnya tentang sistem dalam kehidupan, iaitu sistem prorakyat.

Sewaktu Azmir memberikan pendapatnya tentang sistem tersebut kepada para pelakon drama yang sedang berlatih itu, kepalanya berasa sakit. Setelah sakitnya reda, Azmir memberitahu pelakon-pelakon tersebut bahawa syarahannya dan penyakintya adalah betul. Azmir menjelaskan bahawa dia datang untuk membetulkan pelakon-pelakon itu bahawa tidak ada yang sasau tetapi yang ada ialah ketidakbenaran, kepalsuan, dan kepurporaan. Azmir juga ditanya tentang gila. Sebaliknya, Azmir menjelaskan bahawa bukan gila tetapi suatu penderitaan yang tidak tertanggung olehnya. Kemudian, Azmir menghantuk-hantukkan kepalanya sehingga berdarah. Azmir menjelaskan bahawa tindakannya menghantukkan kepala itu adalah bukan disebabkan dia gila tetapi akibat menderita suatu kesakitan yang tidak tertanggung dan tidak terucap oleh kata-kata.

Doktor datang lagi dan menjelaskan kedudukan sebenar Azmir. Doktor membawa Azmir pulang ke wad pesakit jiwa semula. Setelah itu, Arif dan rakan-rakan pelakon mengunjungi ibu bapa Azmir. Ibu bapa Azmir menjelaskan bahawa Azmir berkeadaan begitu sejak tingkatan enam dan semakin teruk ketika di universiti. Arif menasihati ibu bapa Azmir agar bersama-sama membantu Azmir. Arif memberitahu ibu bapa Azmir bahawa Azmir memerlukan kasih sayang, semangat, dan perangsang, bukannya cemuh atau penghinaan. Pelakon II memberitahu mereka bahawa dia melihat Azmir sedang menghadapi suatu penderitaan yang sudah tidak tertanggung. Arif menasihati ibu bapa Azmir agar segera mengunjungi Azmir sebelum terlambat.

Di wad pesakit jiwa, Azmir berkhalayak dan mengimbaskan kembali tentang kisah cintanya dengan Ani dan kisah hidupnya. Ketika dia sedang berkhalayak, dia menjadi lemah dan rebah ke lantai. Ani yang berada di rumah telah membaca berita tentang kematian Azmir seorang diri di wad. Kematianya dikatakan berpunca daripada penyakit barah otak. Berita itu membuatkan Ani berasa bersalah dan bersikap kejam terhadap Azmir.

Tema

Drama "Bukan Gila" bertemakan ketabahan seorang anak muda yang terpaksa melawan penyakit barah otak bersendirian.

Persoalan

- Penghargaan anak terhadap ibu bapanya.
- Penghargaan terhadap manusia budiman seperti petani, nelayan, serta buruh yang telah membangunkan kesejahteraan rakyat dan negara.
- Kesetiaan seseorang terhadap kekasihnya.
- Sikap tidak ambil peduli masyarakat terhadap kesusahan dan kesakitan orang lain.
- Kebenaran hanya bersifat luaran dan terbit dalam kata-kata.
- Kepentingan wang dalam kehidupan.

Watak dan Perwatakan

Azmir

- Menghidap penyakit barah otak.
- Mengalami sakit jiwa.
- Menerima rawatan pesakit jiwa di Hospital Besar.
- Bersikap gila-gila sejak tingkatan enam.
- Gagal menghabiskan tahun akhir pengajiannya di universiti.
- Enggan mengikut nasihat ibunya.
- Bercinta dengan Ani tetapi Ani telah meninggalkannya sewaktu dia berhadapan dengan penyakit barah otak.
- Mampu bercakap loghat Indonesia.

Arif

- Pengarah drama *Sasau*.
- Prihatin terhadap keadaan Azmir.
- Menasihati ibu Azmir berkaitan dengan kasih sayang ibu terhadap anaknya.
- Berjiwa besar, iaitu sanggup belajar daripada Azmir untuk membantunya membikin drama *Sasau*.

Doktor Razi

- Merawat Azmir yang dikatakan menghidap sakit jiwa.
- Tidak memahami penyakit yang dialami oleh Azmir.
- Bersikap baik terhadap Azmir kerana telah membenarkan Azmir bersiar-siar di luar wad.

Ibu Azmir

- Beliau mengesan sikap gila-gila Azmir sejak anaknya itu di tingkatan enam.
- Tidak mampu mengurus Azmir.
- Tidak menjaga anaknya kerana Azmir lebih suka tinggal di rumah neneknya.
- Berasa malu dengan sikap anaknya yang gila-gila.

Latar

Latar Tempat

- Wad pesakit jiwa, Hospital Besar.
- Pentas.

Latar Masa

- (a) Waktu siang.
- (b) Waktu latihan.
- (c) Waktu tingkatan enam.
- (d) Waktu belajar di universiti.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang prihatin terhadap keadaan sebenar yang dihadapi oleh orang lain.
- (b) Masyarakat yang tidak setia.
- (c) Masyarakat yang tidak ambil peduli akan orang lain.
- (d) Golongan ibu dan bapa yang tidak memberikan kasih sayang yang cukup kepada anak mereka.
- (e) Masyarakat yang menderita sakit secara bersendirian.

Plot

Binaan Plot

- (a) Plot drama ini disusun secara kronologi.
- (b) **Pengenalan** – Azmir berada di wad pesakit jiwa di Hospital Besar seorang diri dan berada dalam khayalan.
- (c) **Perkembangan** – Azmir sentiasa berkhayal akan kehadiran Ani, kekasihnya yang sudah meninggalkannya kerana Azmir dikatakan gila. Azmir juga berkhayal akan kehadiran ayahnya yang menziarahinya di wad. Azmir bertelingkah dengan ayahnya kerana dia beranggapan ayahnya tidak sayangkannya. Kemudian, Azmir berkhayal pula tentang Pak Haji melawatnya di wad. Dia bertengkar dengan Pak Haji tentang namanya dan sikap manusia yang tidak bertindak seperti yang dikatakan oleh mereka. Azmir kembali berkhayal bahawa Ani datang mengunjunginya. Azmir mempertikaikan kata-kata cinta Ani terhadap dirinya. Selepas itu, doktor melawat Azmir di wad. Doktor memeriksa Azmir dan membenarkan Azmir bersiar-siar di luar wad.
- (d) **Perumitan** – Arif dan pelakon-pelakon lain ingin memantapkan kefahaman tentang tajuk drama mereka, iaitu *Sasau*. Tiba-tiba Azmir datang dan mencelah sewaktu Arif dan pelakon-pelakon lain membuat latihan drama. Azmir mempertikaikan dialog drama *Sasau* yang mengagungkan kuasa. Azmir mengatakan bahawa sistem terbaik ialah sistem yang prorakyat. Para pelakon berbincang dengan Azmir tentang sistem tersebut. Tiba-tiba Azmir berasa sakit dan meminta pelakon memicit kepalaunya.
- (e) **Klimaks** – Azmir menghantuk-hantukkan kepala ke lantai sehingga berdarah. Azmir berguling-guling di lantai kerana kesakitan dan darah masih mengalir di pipinya. Arif dan pelakon-pelakon lain membantu Azmir. Selepas itu, doktor membawa Azmir ke hospital semula. Arif cuba menerangkan kepada doktor bahawa Azmir sedang menderita suatu penderitaan yang tidak tertanggung olehnya. Doktor mengatakan bahawa orang gila sememangnya pandai berkata-kata.
- (f) **Pelerian** – Arif dan pelakon-pelakon lain mengunjungi ibu bapa Azmir di rumah. Mereka menerangkan keadaan Azmir kepada Arif. Arif menjelaskan bahawa Azmir bukan buat-buat gila tetapi sedang menderita suatu penderitaan. Pelakon 1 meminta ibu bapa Azmir agar memberikan perhatian dan kasih sayang kepadanya. Arif mencadangkan ibu bapa Azmir berjumpa dengan Azmir di hospital sebelum terlambat. Di wad pesakit jiwa, Azmir mengimbau kenangan lalu antaranya dengan Ani. Akhirnya, Azmir semakin lemah dan jatuh ke lantai. Ani yang berada di rumah telah membaca berita tentang kematian Azmir seorang diri di wad yang dikatakan berpuncu daripada penyakit barah otak. Ani berasa bersalah dan bersikap kejam terhadap Azmir.

Teknik Plot

- (a) Teknik dialog. Contohnya, dialog antara Azmir dengan Ani semasa Azmir berkhayal akan kehadiran kekasihnya itu ketika dirawat di wad pesakit jiwa, Hospital Besar.
- (b) Teknik imbas kembali. Contohnya, bapa Azmir teringat akan waktu penyakit gila-gila Azmir berlaku.
- (c) Teknik monolog. Contohnya, Azmir bercakap seorang diri di wad pesakit jiwa.

Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contoh: *Assalamualaikum; Astaghfirullah; bertafakur*.
- (b) Bahasa Inggeris. Contoh: *realistik; sensitif; profesionalisme; rasional; realiti*.
- (c) Hiperbola. Contoh: *Saban hari manusia membunuh kemanusiaan; Sebuah cinta ialah sebuah sengketa*.
- (d) Imbuhan pinjaman bahasa Inggeris. Contoh: *prorakyat; pascaperang*.
- (e) Metafora. Contoh: *angin kemudaan; angkasa kewujudan; padang kehidupan*.
- (f) Repetisi. Contoh: **Hukum.** (*Sinis*). **Hukum** pada hari ini hanya wujud pada nama saja. Orang sering melanggar **hukum**. **Hukum** kata ada kasih sayang.
- (g) Simile. Contoh: *sistem yang baik adalah bagaikan segala nilai dan norma; Boleh jadi lakonannya tu realistik, macam betul-betul*.

Nilai

- (a) Nilai keprihatinan. Contohnya, Arif, iaitu pengarah drama *Sasau* prihatin akan kesakitan dan penderitaan yang ditanggung oleh Azmir. Arif juga memahami bahawa Azmir tidak gila.
- (b) Nilai kesetiaan. Contohnya, Azmir setia dengan cintanya terhadap Ani sehingga dia terbayang-bayang Ani datang kepadanya walaupun hakikatnya, Ani telah meninggalkannya.
- (c) Nilai bertanggungjawab. Contohnya, Doktor Razi bertanggungjawab dalam menjalankan tugasnya dengan mencari dan membawa Azmir ke wad pesakit jiwa semula.
- (d) Nilai ilmu pengetahuan. Contohnya, Arif sanggup belajar daripada Azmir yang dikatakan gila bagi memantapkan drama "Sasau".
- (e) Nilai menghargai. Contohnya, Azmir menghargai petani, nelayan, dan buruh yang telah banyak memberi sumbangan demi kesejahteraan hidup orang lain.
- (f) Nilai kasih sayang. Contohnya, bapa Azmir menziarahi Azmir yang dirawat di wad pesakit jiwa.
- (g) Nilai ketabahan. Contohnya, Azmir tabah melawan penyakit barah otak secara sendirian sahaja.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah sentiasa prihatin terhadap nasib orang lain supaya kita dapat membantu mereka.
- (b) Kita hendaklah setia kepada pasangan supaya kita tidak melakukan perbuatan kianat.
- (c) Kita haruslah bertanggungjawab terhadap semua tugas agar kita dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.
- (d) Kita mestilah berilmu dan berpengetahuan untuk memahami kebenaran dan kesalahan.
- (e) Kita haruslah memberikan kasih sayang yang sepenuhnya terhadap anak-anak.
- (f) Kita hendaklah tabah menghadapi dugaan hidup agar kita tidak berputus asa atau mengalami kekecewaan dalam hidup.